|--|---|
| <b>Ayat Kesimpulan<br/>(ambil ayat akhir pada perenggan pendahuluan)</b> | Kesimpulannya, terdapat banyak langkah yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat patriotisme  |
| <b>Ayat Cadangan</b>   | Semua pihak haruslah bekerjasama memupuk semangat patriotisme agar negara dapat melahirkan rakyat Malaysia yang sentiasa mempunyai semangat juang yang tinggi |

---

---

---

---

---

---

**KARANGAN BAHAGIAN B – SET 8**

Pemimpin ialah seorang yang dipertanggungjawabkan untuk mengetuai serta memimpin sesebuah kumpulan, persatuan, organisasi atau negara. Seorang pemimpin yang hebat mesti mempunyai ilmu yang luas. Selanjutnya, seseorang pemimpin juga mestilah mempunyai karisma. Karisma berkait rapat dengan personaliti mengagumkan yang mampu membuatkan orang lain terpesona.

Sumber : Dipetik dan diubah suai Buku Tekst bahasa Melayu tingkatan 2, muka surat 226

Berdasarkan petikan di atas huraikan ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani berserta ciri-ciri lain.

| Cadangan isi        |  |
|---------------------|--|
| Idea dalam stimulus | Seorang pemimpin yang hebat mesti mempunyai ilmu yang luas |
|                     | seseorang pemimpin mestilah mempunyai karisma              |
| Idea sendiri        |  |

**PENDAHULUAN**

|                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| <b>Ayat Tema</b>                    | Pemimpin ialah seorang yang dipertanggungjawabkan untuk mengetuai serta memimpin sesebuah kumpulan, persatuan, organisasi atau negara. |
| <b>Ayat Huraian (Apa / Kenapa?)</b> | Pemimpin ini penting untuk mentadbir sesebuah kumpulan supaya sesuatu kerja dapat dilaksanakan   |
| <b>Ayat Arahan Soalan</b>           | Persoalannya, apakah ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani oleh seseorang?  |

**ISI 1**

|                              |   |
|------------------------------|---|
| <b>Ayat Isi</b>              | Ciri-ciri pemimpin ialah seseorang itu mestи mempunyai ilmu yang luas                               |
| <b>Ayat Isu</b>              |   |
| <b>Ayat Contoh (seperti)</b> |   |
| <b>Ayat Kesan</b>            |   |
| <b>Ayat Penegas</b>          | Jelaslah bahawa <u>ciri-ciri pemimpin</u> ialah <u>seseorang itu mestи mempunyai ilmu yang luas</u> |

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**ISI 2**

|                              |   |
|------------------------------|---|
| <b>Ayat Isi</b>              | Ciri pemimpin ialah seseorang itu boleh membahagikan tugas kepada orang bawahannya. |
| <b>Ayat Isu</b>              |   |
| <b>Ayat Contoh (seperti)</b> |   |
| <b>Ayat Kesan</b>            | <b>Kesannya,</b>  |
| <b>Ayat Penegas</b>          | <b>Jelaslah bahawa</b>  |

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**ISI 3**

|                              |  |
|------------------------------|--|
| <b>Ayat Isi</b>              | Ciri pemimpin ialah seseorang pemimpin mestilah mempunyai karisma. Karisma berkait rapat dengan personaliti mengagumkan yang mampu membuatkan orang lain terpesona |
| <b>Ayat Isu</b>              |  |
| <b>Ayat Contoh (seperti)</b> |  |
| <b>Ayat Kesan</b>            | <b>Kesannya,</b>   |
| <b>Ayat Penegas</b>          | <b>Jelaslah bahawa</b>   |

**PENUTUP**

|  |  |
|--|--|
| <b>Ayat Kesimpulan<br/>(ambil ayat akhir pada perenggan pendahuluan)</b> | Kesimpulannya, terdapat banyak ciri pemimpin yang dapat diteladani   |
| <b>Ayat Cadangan</b>   | Semua individu haruslah mempunyai ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani agar negara dapat melahirkan rakyat yang berwawasan |

## KARANGAN BAHAGIAN B – SET 9

Penggunaan pengangkutan awam di negara kita seperti bas, taxi, kereta api dan sebagainya kurang mendapat sambutan masyarakat pada masa ini. Oleh itu, pihak Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan yang sewajarnya dalam menambah baik mutu perkhidmatan awam. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan pengangkutan awam oleh masyarakat dapat meningkatkan pendapatan negara.

Dipetik dan diubah suai daripada : <https://www.scribd.com/document>

Bincangkan kepentingan pengangkutan awam berdasarkan petikan berserta kepentingan-kepentingan lain.

| Cadangan isi |  |
|--------------|--|
|              |  |
|              |  |
|              |  |

### PENDAHULUAN

|                                     |  |
|-------------------------------------|--|
| <b>Ayat Tema</b>                    | Penggunaan pengangkutan awam di negara kita seperti bas, taxi, kereta api dan sebagainya kurang mendapat sambutan masyarakat pada masa ini |
| <b>Ayat Huraian (Apa / Kenapa?)</b> |  |
| <b>Ayat Arahan Soalan</b>           | Persoalannya, apakah <u>kepentingan-kepentingan pengangkutan awam?</u>   |

**ISI 1**

|                              |  |
|------------------------------|--|
| <b>Ayat Isi</b>              | Kepentingan pengangkutan awam ialah penggunaan pengangkutan awam dapat meningkatkan pendapatan negara                                      |
| <b>Ayat Isu</b>              |  |
| <b>Ayat Contoh (seperti)</b> |  |
| <b>Ayat Kesan</b>            |  |
| <b>Ayat Penegas</b>          | Jelaslah bahawa <u>kepentingan pengangkutan awam</u> ialah <u>penggunaan pengangkutan awam</u> dapat <u>meningkatkan pendapatan negara</u> |

---

---

---

---

---

**ISI 2**

|                              |   |
|------------------------------|---|
| <b>Ayat Isi</b>              | Kepentingan pengangkutan awam ialah seseorang itu mudah untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain. |
| <b>Ayat Isu</b>              |   |
| <b>Ayat Contoh (seperti)</b> |   |
| <b>Ayat Kesan</b>            | <b>Kesannya,</b>  |
| <b>Ayat Penegas</b>          | <b>Jelaslah bahawa</b>  |

---

---

---

---

---

### ISI 3

|                       |  |
|-----------------------|--|
| Ayat Isi              | Kepentingan pengangkutan awam ialah masa pengguna pengangkutan awam dapat dijimatkan |
| Ayat Isu              |  |
| Ayat Contoh (seperti) |  |
| Ayat Kesan            | <b>Kesannya,</b>   |
| Ayat Penegas          | <b>Jelaslah bahawa</b>   |

---

---

---

---

---

---

### PENUTUP

|  |   |
|--|---|
| Ayat Kesimpulan<br>(ambil ayat akhir pada perenggan pendahuluan) | Kesimpulannya, terdapat banyak kepentingan penggunaan pengangkutan awam |
| Ayat Cadangan  |   |

---

---

---

---

---



---



# **SKEMA JAWAPAN KARANGAN**

**BAHAGIAN A: SET 1-5**

**BAHAGIAN B: SET 1-2**



**SKEMA JAWAPAN  
KERTAS 1 KARANGAN BAHAGIAN A SET 1 -5  
(30 MARKAH)**

**SET 1**

**KERTAS 1**

**Bahagian A**

**Pendahuluan** - Malaysia sangat terkenal dengan sektor pertanian. Sektor pertanian ini melibatkan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran seperti betik, jagung, sawi dan sebagainya. Persoalannya, apakah langkah-langkah untuk memajukan sektor pertanian?

**Fokus** : Langkah/Cara/Pendekatan/Usaha meningkatkan sektor pertanian.

- Menguasai teknologi moden
- Membuka kawasan pertanian
- Insentif – Pihak kerajaan memberikan geran bantuan kepada petani-petani muda
- Promosi jualan dan pameran produk industri asas tani – mempromosikan produk-produk yang berdasarkan hasil pertanian tempatan.

**Kesimpulan** - Terdapat banyak langkah memajukan sektor pertanian. Semua pihak hendaklah menyokong segala usaha yang dilakukan kerajaan agar dapat meningkatkan ekonomi negara.

**SET 2**

**KERTAS 1**

**Bahagian A**

**Pendahuluan** - Kemalangan datang tanpa diduga- malang tidak berbau- kemalangan kenderaan – Jabatan Bomba dan Penyelamat. Bencana seperti banjir – Angkatan Pertahanan Awam

**Fokus** : Tanggungjawab / tugas/ peranan Angkatan Pertahanan Awam

- Menyediakan perkhidmatan kecemasan dan khidmat bantuan kemanusiaan di seluruh negara
- Memberikan bantuan mangsa banjir

**Fokus** : Tanggungjawab/tugas/peranan JBPM

- Kerja-kerja untuk mengeluarkan mangsa kemalangan daripada kenderaan, menyelamatkan mangsa runtuhan bangunan serta mencari dan menyelamat mangsa lemas
- Memadamkan kebakaran dan menyelamatkan mangsa kebakaran

**Kesimpulan** - Jasa mereka hendaklah dihargai. Bertarung nyawa untuk melaksanakan misi menyelamat. Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

### **SET 3**

#### **KERTAS 1**

##### **Bahagian A**

**Pendahuluan** - Patriotisme merujuk kepada semangat cinta akan negara – kepelbagaian bangsa seperti Melayu, Cina dan India – sambutan bulan kemerdekaan

**Fokus** : Langkah/ usaha memupuk semangat patriotisme

- Kibarkan bendera Jalur Gemilang
- Suntik semangat patriotik di sekolah – melentur buluh daripada rebung

**Kesimpulan** - Semangat patriotisme penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negara.

### **SET 4**

#### **KERTAS 1**

##### **Bahagian A**

**Pendahuluan** - Malaysia hampir menuju ke arah masyarakat tanpa tunai – dompet maya seperti Lazada Wallet, Touch ‘n Go e-wallet, Shopee Pay dan Grab Pay.

**Fokus** : Usaha/ Manfaat/ Faedah dompet maya

- Transaksi wang lebih pantas – pembayaran dibayar tanpa menggunakan tunai
- Tidak ada baki untuk dipulangkan - proses pembayaran menjadi lebih mudah dan cepat
- Melahirkan rakyat celik digital – masyarakat hidup berilmu dan canggih – tidak menjadi seperti katak dibawah tempurung

**Kesimpulan** – terdapat pelbagai faedah dompet maya. Semua pihak mesti bersedia menerima perubahan dalam dunia maya dan digital.

### **SET 5**

#### **KERTAS 1**

##### **Bahagian A**

**Pendahuluan** - Pada musim buah-buahan, pameran buah-buahan dianjurkan oleh pelbagai pihak sebagai usaha menggalakkan masyarakat makan buah – contoh buah-buahan tempatan seperti betik, nanas, cempedak dan sebagainya.

**Fokus** : Kebaikan/ Faedah penganjuran pesta buah-buahan

1. Memberi peluang kepada masyarakat mengenali buah-buahan tempatan – generasi muda mengenali spesies buah-buahan tempatan
2. Kebaikan penganjuran pesta buah-buahan – membantu pengusaha buah-buahan tempatan memasarkan hasil ladang mereka, sekali gus meningkatkan pendapatan
3. Pengunjung berpeluang menikmati kelazatan dan keenakan yang disediakan – kebanyakan buah-buahan tidak terdapat di semua tempat – pengunjung didedahkan dengan khasiat dan vitamin buah-buahan

**Kesimpulan** – Semua pihak memberikan sokongan untuk mempopularkan buah-buahan tempatan

**SKEMA PEMARKAHAN  
KERTAS 1 KARANGAN BAHAGIAN B SET 1-2  
(30 MARKAH)**

**SET 1**

**SOALAN 1**

**Pendahuluan** - Aktiviti melancong sudah menjadi semakin popular sama ada dilakukan secara individu ataupun bersama-sama keluarga - aktiviti ini boleh mengeratkan hubungan dengan kawan atau ahli keluarga - Persoalannya, apakah manfaat aktiviti tersebut?

**Isi-isi penting**

1. Manfaat aktiviti tersebut ialah seseorang dapat menambah ilmu pengetahuan - akan belajar banyak perkara baharu di tempat yang dilawati - belajar tentang budaya dan adat resam masyarakat yang pelbagai dan berbeza mengikut tempat - akan menghormati adat dan budaya orang lain - Tegaslah bahawa manfaat aktiviti tersebut ialah seseorang dapat menambah ilmu pengetahuan
2. Seseorang individu juga dapat menghilangkan stres apabila pergi melancong – pemandangan yang cantik dapat membantu seseorang menenangkan fikiran – aktiviti bersama-sama keluarga dapat menggembirakan hati – pemandangan laut atau alam yang cantik – aktiviti bersama dengan keluarga seperti menikmati makanan, berbasikal dan lain-lain – dapat melupakan masalah yang dihadapi dan dapat mengurangkan tekanan
3. Aktiviti ini juga dapat membantu mengeratkan hubungan dengan ahli keluarga – keluarga yang melancong akan akan meluangkan masa untuk berseronok bersama-sama – melakukan semua aktiviti bersama dengan ahli keluarga – ahli keluarga saling membantu dan bekerjasama semasa menjalankan aktiviti – anak-anak akan merasai kasih sayang ibu bapa yang sepenuhnya kerana sebelum ini ibu bapa sibuk bekerja – dapat mengelakkan perselisihan faham antara satu sama lain dan melahirkan keluarga bahagia

**Kesimpulan** – menggalakkan aktiviti pelancongan dalam masyarakat kerana aktiviti ini mempunyai banyak faedah untuk diri dan negara

## **SOALAN 2**

**Pendahuluan** - Keluarga bahagia terbentuk daripada institusi keluarga yang harmoni. Keluarga merupakan unit asas sosial yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak lalu membentuk satu kumpulan - Keluarga bahagia sangat penting kerana dapat memastikan ahli keluarga dapat hidup dengan gembira - Persoalannya, apakah langkah-langkah untuk membina keluarga bahagia?

### **Isi-isi penting**

1. Langkah untuk membina keluarga bahagia ialah ketua keluarga menerapkan didikan agama - agama mengajar kita untuk membezakan antara perkara baik dan buruk - mengajar kita supaya bersopan santun ketika bercakap dengan orang yang lebih dewasa, saling menghormati antara ahli keluarga - hubungan antara ahli keluarga semakin erat – dapat mengelakkan perasaan marah terhadap ahli keluarga - Tegaslah bahawa langkah untuk membina keluarga bahagia ialah ketua keluarga menerapkan didikan agama
2. Ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada anak-anak – anak-anak merupakan golongan yang paling memerlukan perhatian dan sokongan dalam membentuk peribadi yang sempurna – meluangkan masa untuk mendengar masalah anak-anak – memberikan teguran jika anak-anak melakukan kesalahan – meluangkan masa bersama dengan anak-anak untuk melakukan aktiviti pada hujung minggu – aktiviti-aktiviti sebegini mampu membuatkan anak-anak berasa dihargai oleh ibu bapa - anak-anak akan menghormati ibu bapa dan keluarga akan sejahtera
3. Setiap ahli keluarga perlu bergaul dengan baik antara satu sama lain – ahli keluarga merupakan individu yang akan memberikan bantuan jika seseorang menghadapi masalah – setiap anak perlu bergaul dengan baik supaya tiada jurang antara mereka – kakak atau abang selalu mendengar masalah yang dihadapi oleh adik – membantu ahli keluarga menyelesaikan masalah yang dihadapi – bersama-sama membantu ibu bapa menyiapkan kerja rumah pada hujung minggu – hubungan antara adik-beradik akan bertambah erat – boleh menjamin kesejahteraan keluarga

**Kesimpulan** - terdapat banyak langkah untuk membina keluarga bahagia - Ibu bapa haruslah berusaha membentuk keluarga bahagia agar anak-anak berasa lebih gembira dan keluarga akan sejahtera

### **SOALAN 3**

**Pendahuluan** – Setiap ibu bapa sanggup melakukan apa-apa sahaja demi memastikan anak-anak mereka cemerlang dalam pelajaran. Sekolah menganjurkan kem motivasi kepada pelajar semasa cuti sekolah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang. Sememangnya, setiap pelajar wajar mengikuti kem motivasi tersebut. Terdapat beberapa kepentingan jika pelajar mengikut kem motivasi.

#### **Isi-isi penting**

1. Pelajar akan memperoleh semangat baharu untuk belajar – pelajar akan dirangsang mencapai kecemerlangan dalam pelajaran – Teknik belajar yang betul – dapat cepat mengingati kandungan pelajaran yang dibaca dalam jangka masa Panjang – kesedaran tentang penggunaan dan pengurusan masa yang betul – pelajar digalakkan membuat jadual belajar dan mematuhiinya.
2. Memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka sama ada secara langsung secara tidak langsung – nilai hormat-menghormati dan nilai kerajinan – dengan mengamalkan nilai kerajinan, pelajar boleh berjaya dengan cemerlang dalam pelajar dan kehidupan
3. Pelajar dapat menggunakan masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah – masa pelajar banyak dihabiskan untuk melaksanakan aktiviti yang telah dirancang – aktiviti ini membantu pelajar untuk lebih fokus – aktiviti yang dilaksanakan dapat membantu pelajar mencergaskan badan dan mencerdaskan minda - pelajar tidak akan terjebak dalam aktiviti negatif atau gejala sosial

**Kesimpulan** – kem motivasi sangat bagus untuk pelajar – ibu bapa perlu mengambil peluang untuk menghantar anak-anak mereka menyertai kem motivasi

#### **SOALAN 4**

**Pendahuluan-** Selain ibu bapa dan guru, sahabat juga penting dalam kehidupan – sahabat banyak mempengaruhi tindakan seseorang – perlu pilih sahabat baik dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan – terdapat kebaikan-kebaikan mempunyai sahabat yang baik.

**Isi-isi Penting:** Kebaikan-kebaikan mempunyai sahabat yang baik

1. Mampu meredakan kesedihan – teman yang boleh memahami – tempat mengadu sebarang masalah dan cerita – boleh dipercayai dan menyimpan rahsia – menjadi selesa sekiranya masalah tersebut dapat dikongsikan
2. Dapat menghilangkan keimbangan – perasaan bimbang yang ditanggung boleh dikongsikan – timbul kelegaan dan keselesaan sebaik saja perasaan bimbang diadukan kepada sahabat – sahabat memberikan ketenangan dan keceriaan semula
3. Sanggup berjuang demi kebaikan – faktor penarik yang kuat dalam melakukan kebaikan – boleh membela seseorang itu dalam mempertahankan sesuatu – sanggup berkurban demi melakukan sesuatu perkara walaupun susah

**Kesimpulan** – Pilih sahabat yang dengan bijak – kawan ketawa mudah dicari, rakan menangis sukar dicari – bersahabat dengan penjual minyak wangi, kita akan menerima percikan wangianya, manakala bersahabat dengan tukang besi, percikan apinya akan mencarikkan baju kita – sentiasa bersikap positif ketika berada dengan kawan – cipta hubungan persahabatan yang harmoni

## **SET 2**

### **SOALAN 1**

Pendahuluan – Merdeka! Merupakan kata keramat yang dilaungkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1957. Sejak Tarikh ini negara kita telah bebas daripada cengkaman penjajah. Jelaslah sejarah telah mengajar kita menghargai erti kemerdekaan. Persoalannya, apakah kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah.

#### **Isi-isi penting**

1. Generasi muda dapat mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan yang sama – semasa mempelajari mata pelajaran Sejarah pelajar akan belajar banyak peristiwa yang telah berlaku – kesilapan yang telah dilakukan dahulu sepatutnya menjadi pengajaran – yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan – kita tidak mahu titik hitam berulang kembali
2. Penghayatan sejarah dapat menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda – belajar tentang tokoh pejuang kemerdekaan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun Sambanthan – mereka akan menyayangi negara Malaysia dan menjaga kedaulatannya – menjaga perpaduan kaum – generasi hari ini akan bersedia untuk mmempertahankan negara jika diancam oleh anasir luar
3. Mempelajari sejarah, rakyat akan patuh dengan undang-undang negara Malaysia. Oleh hal yang demikian mereka tidak bertindak sesuka hati – tidak melakukan sesuatu yang mencemarkan nama baik negara mereka tidak melakukan perbuatan jenayah dan rasuah kerana tahu bahawa negara kita mempunyai undang-undang yang wajib dipatuhi.

**Kesimpulan** – terdapat banyak kepentingan apabila murid mempelajari mata pelajaran Sejarah. Oleh sebab itu, Sejarah merupakan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kita hendaklah mempelajari Sejarah kerana kita mendapat pengajaran daripada peristiwa yang berlaku

## **SOALAN 2**

**Pendahuluan** – Semangat patriotisme yang semakin luntur sering diperkatakan – timbul rasa bimbang – kita tidak menghiraukan sambutan hari kebangsaan – tidak kibar bendera – menjaskasni kemakmuran negara kita.

**Isi-isi penting:** Langkah-langkah memupuk semangat patriotisme

1. Semangat patriotik perlu dipupuk sejak dari kecil lagi oleh ibu bapa di rumah – suri teladan kepada anak-anak – anak-anak mencontohi tingkah laku ibu bapa ibarat kata pepatah “bapa borek, anak rintik” – anak-anak akan ingat pengajaran yang mereka lihat dan sering dengar – melawat tempat bersejarah – bercerita kisah perjuangan yang menimbulkan rasa kagum tentang perjuangan
2. Pengaruh guru di sekolah – orang kedua yang dilihat di sekolah – mempengaruhi corak pemikiran murid – guru orang yang dapat mengajar dan menekankan sifat-sifat dalam patriotik di dalam kelas – dorong murid untuk rasa bangga dan syukur terhadap negara dan cinta akan tanah air - mendorong dan membimbing untuk menyertai program yang dianjurkan sekolah – menulis esei – nyanyian lagu patriotik – menghias bilik darjah sempena Hari Kebangsaan
3. Pihak bertanggungjawab hendaklah menjalankan kempen besar-besaran – kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan semangat – Jabatan Penerangan Malaysia – menggunakan platform – dekat dengan rakyat – saluran televisyen – sosial media – berkesan – menyuntik semangat patriotik – siaran rancangan/program yang berunsurkan patriotisme – menayangkan filem berunsurkan perjuangan – filem ‘Paloh’, “Bukit Kepong”

**Kesimpulan** – semangat patriotisme sangat penting untuk melahirkan warganegara yang cinta akan negara – individu yang berguna – dapat memajukan negara – mengekalkan perpaduan – ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni

### **SOALAN 3**

**Pendahuluan** – Kepimpinan merujuk kepada kemampuan mengambil peranan mempengaruhi orang lain ke arah kebaikan. Seseorang pemimpin perlu mempunyai personaliti yang mampu mempengaruhi orang lain serta bersedia ditegur atau dikritik oleh orang lain demi kebaikan bersama.

**Isi-isi penting:** Ciri-ciri pemimpin yang dapat diteladani

1. Mempunyai ilmu yang luas – tempat rujukan mendapat pedapat– menguasai pelbagai bidang ilmu – ilmu yang dikuasai – membantu orang lain – meleraikan kerumitan dalam sepasukan/komuniti – bidang keagamaan, sosiologi, kemasyarakatan
2. Boleh membahagikan tugas kepada orang bawahannya – pemikiran yang matang – satu pasukan/organisasi menerima arahan dan tugas – kebijaksanaan pemimpin – susun atur kedudukan tugas – sesuai dengan skop orang bawahan – mendengar dan menerima – suara orang bawahan dengan terbuka
3. Mempunyai karisma – menarik orang lain ke arah kebaikan – sama ada percakapan – perlakuan – penampilan dan imej dipamerkan secara positif – senang orang lain dekati – disiplin diri tinggi – penuh tatatertib berhadapan dengan orang lain

**Kesimpulan** – Banyak ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin yang berwibawa. Kepimpinan memerlukan seseorang individu itu berfikir, bertindak dan membuat Keputusan yang terbaik demi kepentingan sesebuah organisasi

## **SOALAN 4**

**Pendahuluan** – Pengangkutan awam pada masa ini semakin menjadi pilihan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana negara berlumba-lumba untuk seiring dengan negara yang maju – duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

**Isi-isi penting:** Kepentingan-kepentingan pengangkutan awam

1. Penggunaan pengangkutan awam dapat meningkatkan pendapatan negara – wujud tumpuan aktiviti ekonomi – berhampiran stesen pengangkutan – berpotensi untuk berkembang – di mana ada gula, di situ ada semut – penjaja dan peniaga kecil membuka gerai – penumpang di stesen – jaringan pengangkutan diperluas – pekan dinaik taraf menjadi daerah – menghubungkan komuniti lain
2. Seseorang itu mudah untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain – tidak perlu mempersiapkan kenderaan sendiri - mengelakkan kesesakan lalu lintas – tidak tergesa-gesa untuk memandu - contoh LRT, komuter dan teksi – risiko terdedah kepada kemalangan dapat dikurangkan
3. Masa pengguna pengangkutan awam dapat dijimatkan - pengguna ada masa berehat dalam pengangkutan awam - kerja tertangguh dapat disiapkan - menyelam sambil minum air

**Kesimpulan** - pengangkutan awam banyak mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Sebagai rakyat yang prihatin, maka perlulah juga bersama-sama menyokong hasrat kerajaan dalam membangunkan negara khususnya dalam infrastruktur.

# KERTAS 2

## SOALAN 6

PEMAHAMAN PETIKAN UMUM

SET 1-5

### SOALAN 6: Pemahaman Petikan Umum – SET 1

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### Bahan 1

Dalam mengharungi arus globalisasi serta menerajui dunia ketiga, kita haruslah memperkasakan keeratan serta perpaduan kaum di Malaysia. Oleh itu, banyak usaha perlu dilaksanakan untuk membentuk perpaduan kaum di negara kita. Pihak kerajaan berperanan penting dalam merealisasikan perpaduan kaum. Usaha kerajaan mengadakan Majlis Rumah Terbuka pada peringkat kebangsaan untuk menyambut perayaan kaum utama Malaysia amat dialu-alukan.

Selain itu, pengenalan satu sistem pendidikan negara yang seragam oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan penghubung utama ke arah perpaduan kaum di negara kita. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah turut menyatakan pelbagai kaum untuk berinteraksi dengan satu bahasa rasmi. Pembelajaran bahasa ketiga di sekolah mampu membantu murid-murid mengenali budaya lain kerana bahasa merupakan satu daripada cabang budaya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Perpaduan Kaum Pencetus Keamanan  
Negara'

Oleh Julida Mohd Zain,  
*Dewan Siswa*, Bil. 10/2012

#### Bahan 2

Dasar Pendidikan Kebangsaan amat menekankan konsep perpaduan nasional melalui pendidikan. Antara strategi perlaksanaan yang digariskan termasuklah menawarkan mata pelajaran bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab Komunikasi sebagai bahasa tambahan di sekolah kebangsaan. Selain itu, unsur perpaduan diterapkan dalam pembelajaran mata pelajaran Komponen Sastera (KOMSAS), menggalakkan bahasa etnik di sekolah jika didapati munasabah, serta mempelajari, memperkuuh dan memperluas aktiviti kokurikulum untuk memupuk semangat perpaduan.

Kesan strategi ini dapat memberi peluang kepada murid-murid mempelajari bahasa kaum lain yang seterusnya akan dapat mengurangkan jurang pergaulan apabila mereka dapat berkomunikasi menggunakan bahasa ibunda kaum berkenaan dan mengenali budaya masing-masing dengan lebih baik. Bagi meningkatkan perpaduan dalam kalangan murid secara intensif, kerajaan telahpun mewujudkan sekolah wawasan yang diperkenalkan pada tahun 2003 dengan tujuan merancakkan integrasi murid daripada pelbagai jenis sekolah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Mewujudkan Perpaduan Nasional Melalui Sistem  
Persekolahan' oleh Noraziah Mohd Amin *Dewan Siswa*, Bil. 1/2016

- i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *merancakkan integrasi*.  
[2 markah]

**Berdasarkan Bahan 2, merancakkan integrasi bermaksud** \_\_\_\_\_.

|                         |                         |                     |
|-------------------------|-------------------------|---------------------|
| meningkatkan komunikasi | mempergiatkan perpaduan | memajukan perubahan |
|-------------------------|-------------------------|---------------------|

- ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan tindakan-tindakan yang dilaksanakan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.  
[3 markah]

**Berdasarkan Bahan 1 , tindakan-tindakan yang dilaksanakan untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum ialah pembelajaran bahasa** \_\_\_\_\_. **Berdasarkan bahan 2 , tindakan yang dilaksanakan termasuklah menerapkan unsur** \_\_\_\_\_ dalam pembelajaran mata pelajaran Komponen Sastera (KOMSAS), menggalakkan bahasa \_\_\_\_\_ di sekolah, serta mempelajari dan memperluas aktiviti kokurikulum.

- iii) Perasaan sentimen dan berprasangka antara kaum di negara ini masih menghiasi dada akhbar tempatan.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menghalang pelaksanaan perpaduan kaum di negara ini?

[3 markah]

**Pada pendapat saya, antara faktor yang menghalang pelaksanaan perpaduan kaum di negara ini ialah perbezaan** \_\_\_\_\_ **antara kaum di Malaysia. Selain itu, pengaruh dasar** \_\_\_\_\_ **British yang masih kuat bertapak di negara ini. Seterusnya, sistem pendidikan di Malaysia yang masih mempunyai sekolah jenis** \_\_\_\_\_

*cadangan jawapan:*

*budaya / adat resam / agama  
penjajah  
kebangsaan*

- iv) Kawasan tempat tinggal anda mempunyai masyarakat berbilang kaum. Namun begitu, mereka masih mengamalkan budaya yang terarah pada kaum masing-masing. Sekiranya anda dilantik sebagai ketua komuniti tempat tinggal anda, cadangkan usaha-usaha yang akan anda ambil untuk memastikan masalah tersebut mampu diatasi.

[4 markah]

**Sekiranya saya dilantik sebagai ketua komuniti tempat tinggal saya, usaha yang akan saya ambil untuk memastikan masalah tersebut mampu diatasi adalah dengan memanggil semua penduduk untuk \_\_\_\_\_ tentang masalah tersebut. Selain itu, saya akan mengadakan aktiviti \_\_\_\_\_ . Seterusnya, saya akan mempergiat persatuan \_\_\_\_\_ .**

*cadangan jawapan:*

*berbincang  
gotong royong / hari keluarga / rumah terbuka  
sukarelawan / RELA / kebajikan*

### **SOALAN 6: Pemahaman Petikan Umum – SET 2**

**Baca Bahan 1 dan Bahar 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.**

#### **Bahan 1**

Umum mengetahui bahawa kemudahan Internet menarik perhatian masyarakat *seantero dunia*. Kenyataan ini diperkuuh lagi apabila terdapat 42 juta pengguna Internet di Asia. Perkembangan teknologi Internet ini telah meninggalkan impak yang besar kepada masyarakat sejagat, tidak kira dari sudut negatif maupun positif.

Internet merupakan faktor terpenting untuk mewujudkan masyarakat berilmu. Penggunaan Internet yang pantas dan cepat juga menjadi pilihan masyarakat untuk ‘menjengah’ maklumat terkini secara global dengan menggunakan hujung jari sahaja. Hal ini mendorong masyarakat untuk menggunakan Internet bagi mengitensifkan inisiatif untuk mempromosikan perniagaan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Kemaslahatan Internet’  
oleh Khalida Khalid, Dewan Siswa,Bil.1  
2016 Dewan Bahasa dan Pustaka

#### **Bahan 2**

Internet mendorong perkembangan media sosial yang menghubungkan jutaan pengguna melalui Facebook, Twitter, Instagram ,YouTube dan blog. Lebih penting lagi, Internet memudahkan pembangunan perniagaan dalam talian dan melahirkan usahawan, pembuat filem dan pencipta inovasi. Di beberapa buah negara maju, kira-kira dua pertiga daripada jumlah perniagaan mempunyai laman web, manakala satu pertiga daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan laman web secara meluas. Internet dapat dimanfaatkan sebagai platform untuk mengembangkan idea baharu serta memulakan perniagaan sedia ada. Internet membolehkan pencipta inovasi dan industri perniagaan dari rumah memulakan perniagaan dalam talian tanpa melibatkan kos yang tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Internet Taraf Hidup Usahawan’  
oleh Zaili Mohamad, Dewan Masyarakat, Bil 7, 2015,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *seantero dunia*

[2 markah]

**Berdasarkan bahan 1, seantero dunia bermaksud seluruh \_\_\_\_\_ .**

- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kelebihan-kelebihan Internet kepada pengguna di seluruh dunia.

[3 markah]

**Berdasarkan bahan 1, kelebihan-kelebihan \_\_\_\_\_**

**termasuklah Internet merupakan faktor terpenting untuk mewujudkan masyarakat berilmu. Berdasarkan bahan 2,**

**kelebihan-kelebihan Internet termasuklah \_\_\_\_\_ .**

**•**

- (iii) Berdasarkan statistik, jumlah pengguna Internet dalam kalangan remaja di Malaysia menunjukkan trend peningkatan yang memberangsangkan dari setahun ke setahun.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan pengawasan penggunaan Internet dalam kalangan remaja oleh ibu bapa?

[3 markah]

**Pada pendapat \_\_\_\_\_ , antara kepentingan pengawasan Internet dalam**

**termasuklah \_\_\_\_\_**

**mengelakkan remaja daripada \_\_\_\_\_ .**

**Selain itu, memastikan remaja menggunakan Internet \_\_\_\_\_ .**

**•**

- (iv) Anda telah berkunjung ke rumah sahabat baik anda. Ketika itu, sahabat baik anda itu melayari laman sesawang berunsur negatif.

Sebagai sahabat yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang akan anda ambil untuk mengelakkan sahabat anda melayari laman sesawang tersebut?

[4 markah]

**Sebagai sahabat yang prihatin, antara \_\_\_\_\_**

**termasuklah saya akan**

**Selain itu, saya \_\_\_\_\_**

**Seterusnya saya \_\_\_\_\_ .**

### **SOALAN 6: Pemahaman Petikan Umum – SET 3**

**Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.**

#### **Bahan 1**

Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat maju yang dapat menguasai pelbagai bidang dalam kehidupan mereka dan mencipta sejarah ialah masyarakat yang suka membaca. Disiplin membaca untuk mendapatkan ilmu merupakan kuasa pembebasan daripada belenggu kemiskinan dan kejahanan. Budaya membaca membolehkan pemikiran seseorang itu berkembang dan mempunyai imaginasi yang lebih tinggi untuk bercakap dan mengeluarkan pendapat berbanding dengan orang yang kurang membaca.

Amalan membaca dapat dikaitkan dengan peningkatan ilmu pengetahuan dalam diri seseorang kerana perbezaan yang ketara antara individu yang suka membaca berbanding dengan individu yang tidak suka membaca ialah ilmu pengetahuan yang dimiliki. Masyarakat yang suka membaca mampu untuk melahirkan manusia yang berguna dan mempunyai tahap pemikiran yang tinggi. Golongan ini juga akan menjadi pemimpin negara kerana *idea bernalas* mereka dapat membangunkan negara tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Bangsa Membaca Bangsa Berjaya'  
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim  
*Dewan Siswa Bil 01 2018*

#### **Bahan 2**

Membaca seharusnya dijadikan sebagai rutin kehidupan dan santapan minda. Remaja, khususnya generasi muda yang masih berada di bangku sekolah, mestilah dilatih supaya berminat untuk membaca dan membuat rujukan daripada buku. Hal ini juga akan menjadikan amalan membaca kepada remaja sebagai amalan yang baik bagi menimba ilmu, khususnya buku yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Amalan membaca buku yang diterbitkan oleh penerbit yang berwibawa dapat meningkatkan ilmu pengetahuan kerana memperoleh bahan ilmu yang sudah disahkan sebagai bahan yang telah diedit sebelum buku tersebut dicetak. Begitu juga dengan membaca karya sastera, seperti novel dan cerpen, pembaca dapat memahami budaya kehidupan masyarakat. Dalam era globalisasi ini, membaca masih penting, terutama buku yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi, sains dan teknologi, dan juga membaca akhbar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Amalan Membaca Buku Semakin Dilupakan?  
Oleh Aminah Mansor  
*Dewan Siswa Bil 01 2018*

- (i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud *idea bernalas*.

[2 markah]

Berdasarkan bahan 1, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

- ii) Berdasarkan **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan manfaat membaca dalam kalangan masyarakat?

[3 markah]

Berdasarkan bahan 1, manfaat membaca dalam kalangan masyarakat termasuklah  
\_\_\_\_\_.

Berdasarkan bahan 2, manfaat membaca dalam kalangan masyarakat termasuklah  
\_\_\_\_\_.

- (iii) Remaja kini lebih cenderung untuk menghabiskan masa dengan aktiviti yang tidak berfaedah seperti bermain permainan video daripada membaca.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca amalan membaca dalam kalangan remaja kian pudar?

[3 markah]

Pada pendapat saya, punca-punca amalan membaca dalam kalangan remaja kian pudar termasuklah \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

Selain itu, \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

- (iv) Anda melihat situasi di sekolah anda berkenaan keadaan perpustakaan yang hanya dikunjungi oleh murid ketika musim peperiksaan sahaja.

Sebagai ketua pengawas pusat sumber, nyatakan cadangan-cadangan yang boleh diambil untuk menarik minat murid membaca di perpustakaan sekolah?

[4 markah]

**Sekiranya saya sebagai pengawas pusat sumber, cadangan-cadangan yang akan saya ambil untuk menarik minat murid membaca di perpustakaan sekolah termasuklah \_\_\_\_\_**

**Selain itu, \_\_\_\_\_ .**

**Seterusnya, \_\_\_\_\_ .**

### **SOALAN 6: Pemahaman Petikan Umum – SET 4**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **Bahan 1**

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) memperuntukkan sejumlah RM750,000 bagi membangunkan Gua Sireh di Baling sebagai lokasi pelancongan baharu di negeri Kedah. Antara kemudahan yang akan dinaik taraf di sini ialah laluan pejalan kaki sepanjang 400 meter dan pagar di dalam gua, penambahbaikan fasiliti, serta pembelian peralatan gua dan insurans. Gua Sireh akan menjadi tarikan pelancong kerana panoramanya yang *sangat menakjubkan*.

Destinasi pelancongan itu kini menjadi antara sumber pendapatan baharu kepada penduduk kampung yang rata-ratanya bekerja sebagai penoreh getah. Selain mendapat hasil daripada tanaman getah yang diusahakan, penduduk kampung turut menjadi pemandu arah kepada pengunjung dengan menunjukkan kawasan yang cantik dan sesuai untuk bergambar sebagai kenang-kenangan. Pekerjaan sampingan ini dapat membantu penduduk tempatan menambah pendapatan sehari-hari mereka selain dapat memperkenalkan kampung mereka kepada masyarakat luar.

Dipetik dan diubah suai  
‘Gua Sireh Tarikan Baharu Pengunjung ke Baling’  
oleh Noorazura Abdul Rahman,  
[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my), 11 Januari 2023

#### **Bahan 2**

Gua Tempurung sering menjadi tumpuan pengguna Lebuh raya Utara Selatan. Gua sepanjang tiga kilometer ini dahulunya merupakan tempat penduduk di sini melombong bijih timah. Semasa zaman perang, Gua Tempurung menjadi tempat askar Jepun menyembunyikan diri. Selepas zaman perang tamat, komunis pula menjadikan gua ini sebagai laluan rahsia mereka untuk melarikan diri daripada askar Melayu. Gua ini kini sudah dilengkapi dengan platform, lampu dan tempat letak kenderaan.

Terdapat beberapa pakej yang disediakan untuk pelancong yang hendak memasuki gua ini. Demi keselesaan pengunjung, pembaikpulihan Gua Tempurung telah dilakukan agar lebih mesra pengunjung termasuk kanak-kanak. Jika pengunjung berhasrat untuk masuk ke dalam gua dan melihat keadaan di dalamnya sahaja, mereka tidak perlu memakai pakaian sukan dan kasut khas.

Dipetik dan diubah suai  
*Jomjalan.com.my*, 12 Januari 2023

- (i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *sangat menakjubkan*.

[2 markah]

**Berdasarkan bahan 1,** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

- (ii) Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan kemudahan-kemudahan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke kedua-dua lokasi tersebut.

[3 markah]

**Berdasarkan bahan 1, kemudahan-kemudahan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke lokasi tersebut termasuklah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**Berdasarkan bahan 2, kemudahan-kemudahan yang dapat menarik kedatangan pelancong ke lokasi tersebut** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

- (iii) Malaysia sering menjadi tumpuan pelancong dari luar negara.

Pada pendapat anda, apakah kelebihan-kelebihan Malaysia yang menjadi tarikan dalam kalangan pelancong?

[3 markah]

**Pada pendapat saya, kelebihan-kelebihan Malaysia yang menjadi tarikan dalam kalangan pelancong termasuklah** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**Selain itu,** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

- (iv) Saya dan keluarga akan melancong ke luar negara. Pelbagai persiapan perlu dilakukan sebelum melancong.

Sebagai ketua keluarga, apakah persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum melancong?

[4 markah]

**Sebagai ketua keluarga, persiapan-persiapan yang perlu dilakukan sebelum melancong ialah \_\_\_\_\_**

**Selain itu, \_\_\_\_\_**

**Seterusnya, \_\_\_\_\_**

### **SOALAN 6: Pemahaman Petikan Umum – SET 7**

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **Bahan 1**

STRES ialah tindak balas emosi, fizikal dan mental akibat perubahan dalam sesuatu keadaan yang berlaku dalam kehidupan harian manusia. Secara umumnya, stres terbahagi kepada stres jangka pendek dan stres jangka panjang. Stres jangka pendek merupakan tindak balas spontan tubuh badan terhadap apa-apa situasi yang mencabar, bahaya atau menakutkan. Stres jangka panjang pula selalunya dialami oleh mereka yang menghadapi stres yang berpanjangan. Punca utama stres seringkali dikaitkan dengan masalah kehidupan yang terjadi dalam kehidupan sehari-hari. Bahayanya stres ini bukan sahaja boleh *menjejaskan kualiti* kehidupan kita, malahan orang sekeliling seperti keluarga dan kawan rapat kita juga boleh terkena tempiasnya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Hati-hati kesan stres terhadap mental,dan fizikal’  
*Sinar Harian, 2 April 2019*

#### **Bahan 2**

Keadaan atau masa yang menimbulkan stres selalu berlaku. Perkara ini tidak dapat dielakkan memandangkan gaya hidup di dunia moden yang serba pantas ini. Kegagalan menangani stres juga boleh membawa kesan buruk atas kesihatan seseorang yang boleh menyebabkan seseorang mudah mendapat penyakit berbahaya seperti kanser dan masalah jantung.

Pada masa yang sama, jika dia sedang berhadapan dengan masalah kesihatan, stres boleh memburukkan keadaan lagi. Berasaskan fakta-fakta tersebut, penting untuk seseorang berbuat sesuatu sekiranya mereka mendapati diri mereka tidak berupaya menangani stres. Mereka perlu mengatasi masalah tersebut secepat mungkin untuk mengelakkan diri daripada menjadi mangsa stres yang boleh membunuh.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Sumber : *Internet*

- (i) Berdasarkan **bahan 1**, berikan maksud frasa *menjejaskan kualiti*?  
[2 markah]

---

---

---

---

---

- (ii) Merujuk **bahan 1** dan **bahan 2**, nyatakan kesan stres kepada seseorang?  
[3 markah]

---

---

---

---

---

- (iii) Punca utama stres sering kali dikaitkan dengan masalah kehidupan yang terjadi seperti masalah di tempat kerja dan lain-lain sehingga boleh menyebabkan seseorang mudah mendapat penyakit berbahaya.

Pada pendapat anda, apakah faktor lain yang menyebabkan seseorang menghadapi stres?  
[4 markah]

---

---

---

---

---

- (iv) Seorang rakan anda mengalami masalah stres yang serius sehingga membuatkan dia murung dan mula mengasingkan dirinya daripada rakan-rakan yang lain.

Sebagai seorang sahabat yang prihatin, apakah langkah yang boleh anda ambil untuk membantu rakan anda menangani masalah stres yang dihadapinya?

[4 markah]

---

---

---

---

---

# KERTAS 2

## SOALAN 7

PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA

SET 1-5

## **SOALAN 7: Pemahaman Petikan Sastera - SET 1**

Baca bahan-bahan yang diberikan dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat sendiri.

### **Bahan 1**

#### **Harga Remaja**

Berapakah sebenarnya harga remaja  
yang bersih  
dari gelodak kecawa  
bagai kehijauan daun  
bagai kesegaran pohon di  
pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kau penuhi  
piala remajamu  
adakah cuka kesangsian  
dari cinta murah  
atau madu ajaran  
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal  
sesungguhnya  
tiada terbeli oleh perjanjian  
harga remaja adalah  
pendirian keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu  
dengan ketentuan hala tuju.

Rahman Shaari Langit  
di Tangan, 1995 Dewan  
Bahasa dan Pustaka

## Bahan 2

|   |  |
|---|--|
| NORA:   | Sudah, cikgu. Ramai yang terpilih dan kami amat teruja untuk menyertainya. Tak sabar rasanya.  |
| CIKGU DAHARI:   | Baguslah kalau begitu. Bertuah negara kita punyai remaja seperti kalian. Sentiasa sedia berkhidmat untuk negara.   |
| SUNDARANI:  | Boleh cikgu terangkan lebih lanjut tentang PLKN?   |
| CIKGU DAHARI:   | Tentu sekali. Program Latihan Khidmat Negara ataupun nama ringkasnya, PLKN merupakan kursus latihan wajib bagi mereka yang baru menamatkan persekolahan di Malaysia. Program ini bertujuan untuk membina dan mengukuhkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional dan membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Program ini bukanlah bersifat kerahan tenaga dan tidak mengikut mana-mana model dari luar negara kerana dilaksanakan menurut cara Malaysia. |
| <p>Dipetik daripada drama ‘Berkhidmat untuk Negara’<br/>oleh Affix Zulkarnaen Adam dalam<br/>antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,<br/>Kementerian Pendidikan Malaysia</p> |  |

Bahan 3

### Syair Tenaga Pemuda

Tenaga pemuda kalau diasuh,  
Pimpin dan didik kotor dibasuh,  
Tidaklah ia menjadi lusuh,  
Amat berguna menentang musuh.

Tenaga pemuda memang terbilang,  
Tenaga yang sedang gilang-gemilang,  
Beban yang berat dapat dijulang,  
Benda yang jauh dapat dijelang.

*Tenaga pemuda tenaga beerti,*  
Tenaga yang berani menempah mati,  
Tidak mengerti erti nanti,  
Hanya penuh kemahuan mesti.

Tenaga pemuda mestilah sayang,  
Jangan dibiarkan lemah dan goyang,  
Di waktu muda tenaga kencang,  
Berani sampai berputih tulang.

Tenaga pemuda kalau dijaga,  
Kelak akhirnya angat berharga,  
Tenaga yang menjadi harapan bangsa,  
Gagah berani mempertahankan negara.

Dipetik daripada ‘Syair Tenaga Pemuda’  
dalam antologi Anak Bumi Tercinta  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, nyatakan maksud baris puisi berikut  
*Tenaga pemuda tenaga beerti,*

[2 markah]

**Baris puisi berikut bermaksud** \_\_\_\_\_.

- (ii) Dengan merujuk semua bahan, nyatakan ciri-ciri remaja yang dapat membangunkan negara.

[4 markah]

**Berdasarkan bahan 1, ciri-ciri remaja yang dapat membangunkan negara ialah**

\_\_\_\_\_.

**Berdasarkan Bahan 2, seorang remaja perlu** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Berdasarkan Bahan 3** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

- (iii) Terdapat pelbagai cabaran dalam usaha melahirkan golongan remaja yang berkualiti.

Pada pendapat anda, apakah cabaran-cabaran tersebut?

[3 markah]

**Pada pendapat saya, cabaran tersebut ialah** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Selain itu,** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Seterusnya, remaja menghadapi masalah** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

- (iv) Belia pada dekad ini perlu bersaing untuk mencapai kemajuan dalam hidup dan belia juga merupakan aset kepada negara.

Sebagai seorang Pegawai Belia dan Sukan, apakah yang akan anda lakukan untuk mencungkil potensi remaja masa kini?

[4 markah]

**Sebagai seorang Pegawai Belia dan Sukan, untuk mencungkil potensi remaja masa kini saya akan \_\_\_\_\_.**

**Selain itu, remaja perlu mempunyai \_\_\_\_\_.**

**Remaja juga harus \_\_\_\_\_.**

**Jawapan**

i. kekuatan anak muda / pemuda / kekuatan yang bermakna

ii. Ciri remaja yang dapat membangunkan negara

Bahan 1: remaja yang berilmu.

Bahan 2: sentiasa bersedia untuk berkhidmat demi negara.

Bahan 3: remaja perlu berani mati.

iii. Cabaran tersebut ialah

- Remaja terdedah kepada pergaulan bebas/ gejala sosial
- Remaja terjebak/terlibat dengan jenayah
- Remaja leka dengan media sosial

iv. Sebagai seorang Pegawai Belia dan Sukan untuk mencungkil potensi remaja masa kini saya akan

- menganjurkan program/kursus jati diri belia
- menyampaikan ceramah di sekolah
- membantu menyediakan modul-modul latihan kepada belia
- menganjurkan pertandingan sukan

## **SOALAN 7: Pemahaman Petikan Sastera - SET 2**

Baca bahan-bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **Bahan 1**

Alias tergamam. Sambil tersedu-sedu sebak dia duduk bercangkung perlahan-lahan melihat perut Chot yang terpengap-pengap dengan darah membuak-buak. Alias merenung pelupuk mata Chot yang mash terbuka, sangat bening renungnya, dan air mata yang tergenang mula mengalir perlahan ke bulubulunya.

Alias bukan seorang doktor. Dia mengubati dengan menangis dan memeluk Chot. Sayangnya, Chot tidak sembah. Chot dengan lemahnya memegang tangan Alias, tetapi telepas. Chot memuncung mulutnya, tetapi tidak dapat mencium pipi Alias. Chot merapatkan pelupuk matanya, memberitahu dia sangat sakit tetapi Alias tidak sedar.

Dipetik daripada  
Novel Chot karya Azizi bin Haji Abdullah  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### **Bahan 2**

“Ke manakah engkau pergi, Oren?” soalnya sambil mengusap-usap belakang kucingnya itu, dia kehairanan kerana bulu Oren terjaga bersih walaupun telah beberapa hari kucingnya itu tidak pulang ke rumah seolah-olah ada orang yang membersihkannya.

Kemudian, dia membawa Oren ke dapur. Dia mengambil susu dari peti dan disuanya kepada Oren, namun Oren hanya membiarkan susu itu. Dengan manjanya Oren kembali kepadanya sambil menggesekkan badan di kakinya. Selepas itu, dia kembali mendukung Oren. Oren memandangnya dengan lembut. Lantas dia mencium pipi Oren. Perbuatannya itu tidak pernah dilakukannya sebelum ini walaupun kepada Kelabu.

Dipetik daripada  
cerpen 'Oren'  
antologi Kuingin Berterima Kasih  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

### KIJANG YANG LELAH

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema  
Ketika temulang kudratnya  
bergetar di tengah rimba  
Dia tidak lagi mampu menobat takhta  
Mengorak langkah di tanah menghijau

Saat ini  
Sebak menyentap dahan kalbu  
Dedaun rendah resah mula berguguran  
Pepohon batin akhirnya tumbang  
Akarnya menguncup di perdu harap

Hari ini  
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki  
Menghambat waktu yang bersisa  
Walau dalam jera lelah  
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga

Dipetik daripada  
Antologi Bintang Hati  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap 1 Bahan 3, nyatakan keadaan kijang seperti digambarkan dalam sajak di atas.

[2 markah]

**Berdasarkan rangkap 1 Bahan 3, keadaan kijang seperti yang digambarkan dalam sajak di atas antaranya \_\_\_\_\_**

---

---

---

*(suara kijang tidak lagi kuat dan tenaganya semakin berkurangan)*

- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, apakah tindakan-tindakan tuannya terhadap haiwan yang dipeliharanya.  
[3 markah]

**Berdasarkan Bahan 1, tindakan tuan terhadap haiwan yang dipeliharanya ialah \_\_\_\_\_**

---

---

*(Alias merenung pelupuk mata Chot yang masih terbuka)*

**Berdasarkan Bahan 2, tindakan tuan terhadap haiwan yang dipeliharanya ialah \_\_\_\_\_**

---

---

*(dia mengusap-ngusap belakang kucingnya itu. Selain itu, dia mengambil susu dari peti dan disuanya kepada Oren)*

- (iii) Belakangan ini, banyak kucing jalanan terbiar di sekitar kawasan perumahan dan pasar sehingga menimbulkan ketidakselesaan kepada masyarakat.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk menangani masalah ini?

[4 markah]

**Pada pendapat saya, antara usaha untuk menangani masalah ini termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

*(pihak yang bertanggungjawab perlu menyediakan taman khas atau rumah perlindungan untuk kucing jalanan).*

**Selain itu, \_\_\_\_\_.**

---

---

*(kerajaan boleh memandulkan kucing-kucing jalanan untuk mengawal populasinya)*

**Seterusnya, \_\_\_\_\_.**

---

---

*(kerajaan boleh menjalankan kempen atau program “Cintailah Kucing Jalanan” untuk membuka mata masyarakat).*

- (iv) Anda sedang bersiar-siar di taman rekreasi. Anda terpandang haiwan terbiar yang sedang kelaparan. Sebagai seorang pencinta haiwan, kemukakan tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan bagi menyelamatkan haiwan terbiar tersebut.

[4 markah]

**Sebagai seorang pencinta haiwan, antara tindakan yang boleh saya lakukan bagi menyelamatkan haiwan terbiar tersebut termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

***(saya akan membawa haiwan tersebut ke klinik veterinar untuk mendapatkan rawatan yang sepatutnya.).***

**Selain itu, \_\_\_\_\_.**

***(saya akan mengalihkan kucing tersebut ke tempat yang selamat.)***

**Tindakan yang terakhir termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

***(saya akan mengiklankan haiwan tersebut sekiranya ada pihak yang ingin membelanya menghubungi kelab haiwan terbiar).***

### **SOALAN 7: Pemahaman Petikan Sastera - SET 3**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### **Bahan 1**

"Mak! Abang tak buat salah apa-apa pun. Selama ini, setiap malam dia akan bekerja di kedai kopi untuk membantu meringankan beban mak menyara hidup kami. Dengan duit gaji abang Aminah dapat menyertai banyak pertandingan catur dan banyak juga Aminah memenanginya. Set catur baharu dan kebanyakan alatan persekolahan yang rosak dibeli oleh abang supaya tidak menyusahkan mak. Selama ini, abang bukannya berkurung di dalam bilik. Abang keluar bekerja," jelas Aminah dengan *raut wajah* yang panik dan berpeluh, menunjukkan bahawa dia baru sahaja berlari ke sini.

"Abang takut mak tak bagi abang bantu mak, takut kalau mak tahu mak akan berasa bersalah kerana menyusahkan anak mak. Ini janji abang kepada ayah. Abang anak lelaki dan perlu menjaga keluarga," jelas Ahmad yang mula bersuara.

Dipetik daripada "Kebenaran di Kedai Kopi  
oleh Nurin Nabilah Khairul Izhar Dewan Siswa Bil. 3 2020

#### **Bahan 2**

##### **Pengorbanan**

Kuanak sulung  
Tanggungjawab berat  
Kugalas dengan penuh amanah  
Kupikul dengan kudrat yang ada  
Biar musim silih berganti  
Biar detik waktu berlari  
Kusematkan di dada  
Semangat yang  
membara  
Demi kelangsungan  
hidup  
Keluarga tecinta.  
Syukur  
Ya Tuhanku  
Kujunjung amanah-Mu  
Selama-lamanya.

Cetusan rasa: Cikgu Ina

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *raut wajah*.

[2 markah]

**Jawapan Calon :**

**Berdasarkan Bahan 1, *raut wajah* bermaksud \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.**

**Jawapan :**

P1- bentuk/tampang/ roman/muka / rupa paras

- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan peranan seorang anak untuk membantu keluarga.

[2 markah]

**Jawapan Calon : ( 2 isi sahaja + APA )**

**Berdasarkan Bahan 1, peranan seorang anak untuk membantu keluarga termasuklah**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_.

**Jawapan :**

**Bahan 1**

P1 – membantu meringankan beban emak

P2 – tidak menyusahkan emak

P3 – bekerja

P4 – menjaga keluarga

**Bahan 2**

P1 - memikul tanggungjawab menjaga keluarga

P2 - menggalas amanah yang diberi oleh Tuhan

- (iii) Ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dengan kita. Mereka menjaga kita dengan penuh kasih sayang.

Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk menghargai kasih sayang ibu bapa kita?

[3 markah]

**Jawapan Calon : (2 isi sahaja + CARA)**

**Pada pendapat saya, cara untuk menghargai kasih sayang ibu bapa kita termasuklah**

**Cara kedua untuk menghargai kasih sayang ibu bapa kita termasuklah**

\_\_\_\_\_.

**Jawapan :**

- P1 – menjaga ketika sakit
- P2 – memberi hadiah ketika ulang tahun kelahiran
- P3 – tidak menjatuhkan maruah keluarga
- P4 – bercakap dengan lemah lembut
- P5 – mendoakan kesejahteraannya

- (iv) Rakan anda telah mendapat tawaran untuk bekerja di bandar. Namun dia kurang yakin dengan kemampuannya dalam menempuh cabaran alam pekerjaan.

Sebagai seorang rakan, apakah nasihat yang perlu anda berikan untuk supaya dia yakin untuk menerima tawaran tersebut?

[4 markah]

**Jawapan Calon : (3 isi sahaja + CARA )**

**Sebagai seorang rakan, nasihat** yang perlu anda berikan untuk supaya dia yakin untuk menerima tawaran tersebut **ialah saya akan** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Selain itu, saya juga akan** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Akhir sekali,** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Jawapan :**

- P1 – membuat kajian tentang pekerjaan tersebut
- P2 – meningkatkan kemahiran berkomunikasi
- P3 – mendalamai kemahiran teknologi maklumat
- P4 – bersedia dari segi mental dan fizikal
- P5 – merujuk kepada orang yang lebih berpengalaman / pakar

## **SOALAN 7: Pemahaman Petikan Sastera - SET 4**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **Bahan 1**

#### **Syair Pedoman Remaja**

Remaja unggul indah pekerti,  
Namamu harum tersemat di hati,  
Masalah sosial usah kaudekati,  
Kelak hidupmu akan diberkati.

Elakkan dirimu mengambil dadah,  
Jika terlibat membawa padah,  
Kelak kaukesal tiada sudah,  
Masa hadapan menjadi gundah.

AST Tayeb Everly Putrajaya 2022

### **Bahan 2**

Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman tercinta ini. Kata bonda, ilmu agama saya masih terlalu cetek dan nipis. Bimbang saya akan hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme yang sedang melanda anak-anak muda kota. Malahan, kata bonda lagi. bahasa ibunda saya juga masih lemah. Bahasa yang membesar saya dengan segala adat resam dan nilai budaya warisan turun temurun. Bahasa yang diwarisi nenek moyang sejak zaman-berzaman.

Bonda tahu, secubit ilmu yang mengisi dada saya yang kerdil ini tidak akan mampu mengekang ledakan perubahan sosial yang boleh meragut jati diri saya sebagai generasi bermaruah. Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapi sekian ramai anak-anak sebangsa saya. Kebanyakannya tergadai maruah dan harga diri dek mengejar dunia yang bergelar globalisasi dalam menuju arus perdana.

Dipetik daripada cerpen "Munsyi"  
oleh Husna Nazri  
antologi Jaket Kulit Kijang  
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 3

**Pantun Buat Remaja**

Di tepi laman duduk bersila,  
Sambil makan buah berangan,  
Habis diconteng dinding segala;  
Sakit mata buruk pandangan.

Indah sungguh intan suasa,  
Mahal harganya bukan sebarang.  
Duduk melepak membuang masa;  
Buruk nama dipandang orang.

Ast Tayeb Everly Putrajaya 2021

- (i) Berdasarkan Bahan 2, nyatakan maksud *pelbagai alasan*.

[2 markah]

**Berdasarkan Bahan 2, *pelbagai alasan* bermaksud** \_\_\_\_\_

**Jawapan :**

P1- Berbagai-bagi sebab

- (ii) Berdasarkan Bahan 1, Bahan 2 dan Bahan 3, apakah salah laku remaja yang berlaku pada masa ini?

[4 markah]

**Berdasarkan Bahan 1,** salah laku remaja yang berlaku pada masa ini termasuklah

\_\_\_\_\_.

**Berdasarkan Bahan 1,** salah laku remaja yang berlaku pada masa ini termasuklah

\_\_\_\_\_.

**Berdasarkan Bahan 1,** salah laku remaja yang berlaku pada masa ini termasuklah

\_\_\_\_\_.

**Jawapan :**

**Bahan 1**

P1 – masalah sosial

P2 – terlibat dengan dadah

**Bahan 2**

P1- hanyut dibawa arus hedonism dan modenisme

P2 – tergadai maruah dan harga diri

**Bahan 3**

P1 - menconteng dinding /vandalisme

P2 - melepak dan membuang masa

- (iii) Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara. Masa depan sesebuah negara terletak pada tangan remaja masa ini kerana mereka merupakan waris kepimpinan negara pada masa akan datang.

Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri seorang remaja yang cemerlang?

(3 markah)

**Pada pendapat saya, ciri remaja yang cemerlang ialah** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Selain itu, ciri seorang remaja yang cemerlang ialah** \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Jawapan :**

P1 – berilmu dan berpengetahuan luas

P2 – mempunyai sahsiah diri yang terpuji

P3 – rajin menuntut ilmu

P4 – mempunyai tubuh badan yang sihat

P5 – aktif dalam kurikulum

P6 – cemerlang dalam pelajaran/ akademik

- (iv) Anda mempunyai beberapa orang rakan yang sering ponteng sekolah. Mereka kerap tidak hadir dan tidak menyiapkan kerja sekolah. Rupa-rupanya ada antara mereka terpaksa bekerja untuk menyara kehidupan. Selain itu, ada juga yang terpengaruh dengan rakan sebaya.

Sebagai seorang rakan, apakah tindakan yang patut anda lakukan untuk membantu rakan-rakan anda tersebut?

[4 markah]

**Jawapan Calon : (3 isi sahaja + CARA)**

**Sebagai seorang rakan, cara saya membantu rakan-rakan saya termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

**Selain itu, cara saya membantu rakan-rakan saya termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

**Akhir sekali, cara saya membantu rakan-rakan saya termasuklah \_\_\_\_\_**

---

---

**Jawapan :**

- P1 – menasihati mereka supaya mengubah sikap
- P2 – memaklumkan kepada guru tingkatan/ kaunselor
- P3 – memaklumkan kepada ibu bapa pelajar tentang keadaan anak mereka
- P4 – mengajak mereka melakukan aktiviti berfaedah

## **SOALAN 7: Pemahaman Petikan Sastera - SET 5**

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### **Bahan 1**

Kini, datuk bercerita tentang cara-cara menyembuhkan penyakit secara tradisional. Memang dalam soal ini datuk boleh disebut pakar, macam doktor. Dia jenis manusia yang bijak memanfaatkan bahan sedia ada atau bahan percuma menjadi kegunaan untuk kesihatan dan kecantikan. Misalnya, hampas kopi dijadikan losen tangan. Hampas teh untuk menyegarkan mata, ubi kayu bagi menghilangkan buasir. Lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala.

Dipetik dan diubah suai daripada Novel *Jendela Menghadap Jalan*, karya Ruhaini Matdarin,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

### **Bahan 2**

#### **Rahsia Alam**

Hembusan pawana  
indah alam nan hijau  
menyimpan seribu rahsia  
rempah ratus  
ulam-ulaman  
penawar segala derita.

Pahit jering agen pelawas  
mengkudu kaya mengawal darah  
pucuknya gajus awet muda  
bukti keagungan  
Pencipta alam semesta.

Shida Aris  
Everly, Putrajaya

**Bahan 3**

Ribut hilang langit pun cerah,  
Syukur dipanjang, lapang di dada  
ulam raja pencuci darah,  
tinggi khasiat antioksida.

Pergi melancong ke negeri Melaka,  
Melancong ke sana, bulan Syawal;  
Hempedu bumi penyembuh luka,  
tekanan darah dapat dikawal.

Shida Aris  
Everly, Putrajaya

**SOALAN DAN JAWAPAN**

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan maksud rangkai kata *bijak memanfaatkan*.

[2 markah]

**Jawapan:**

i) Berdasarkan Bahan 1, rangkai kata bijak memanfaatkan bermaksud \_\_\_\_\_.

**Soalan i**  
*pandai/ cerdik  
menggunakan sebaik-sebaiknya*

(ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan fungsi-fungsi bahan yang digunakan dalam perubatan tradisional.

[4 markah]

**Jawapan:**

ii) Berdasarkan **Bahan 1**, fungsi-fungsi bahan semula jadi yang digunakan dalam perubatan tradisional ialah \_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_.

**Soalan ii**  
**Bahan 1**

- *hampas kopi dijadikan losen tangan*
- *hampas teh untuk menyegarkan mata*
- *ubi kayu bagi menghilangkan buasir*
- *lobak pula bagi melancarkan air kencing dan mengurangkan sakit kepala*

Berdasarkan **Bahan 2**, fungsi-fungsi bahan semula jadi yang digunakan dalam perubatan tradisional ialah \_\_\_\_\_.

\_\_\_\_\_.

**Bahan 2**

- *pahit jering agen pelawas iaitu jering yang pahit merupakan agen pelawas*
- *mengkudu kaya mengawal darah iaitu buah mengkudu dapat mengawal tekanan darah*
- *pucuk gajus awet muda iaitu pucuk gajus dapat menjadikan seseorang awet muda*

Berdasarkan **Bahan 3**, fungsi-fungsi bahan semula jadi yang digunakan dalam perubatan tradisional ialah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_.

**Bahan 3**

- *ulam raja pencuci darah iaitu ulam raja membersihkan darah*
- *hempedu bumi penyembuh luka iaitu hempedu bumi dapat menyembuh luka*
- *tekanan darah dapat dikawal iaitu hempedu bumi dapat mengawal tekanan darah*

*(sekurang-kurang 3 jawapan daripada kesemua bahan)*

(iii) Perubatan tradisional merupakan satu kaedah perubatan pelengkap kepada perubatan moden.

Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkenalkan perubatan tradisional dalam kalangan rakyat? [4 markah]

**Jawapan:**

iii) Pada pendapat saya, langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk memperkenalkan perubatan tradisional dalam kalangan rakyat ialah \_\_\_\_\_.

Selain itu, \_\_\_\_\_.

**Soalan iii**

- kerajaan mengadakan kempen/ hebahan tentang manfaat perubatan tradisional
- kerajaan memberikan bantuan modal/ bantuan kewangan kepada pengusaha perubatan tradisional
- kerajaan mewujudkan jaringan pasaran untuk perubatan tradisional
- kerajaan mengeluarkan sijil halal untuk produk perubatan tradisional

*(sekurang-kurangnya 3 isi)*

- (iv) Anda merupakan seorang pengamal perubatan tradisional. Anda menggunakan tumbuh-tumbuhan herba seperti sirih dan serai wangi dalam kaedah perubatan. Walau bagaimanapun terdapat segelintir masyarakat yang tidak yakin dengan kaedah perubatan tradisional.

Sebagai pengamal perubatan tradisional yang bertanggungjawab, apakah yang boleh anda lakukan untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap kaedah perubatan tradisional? [3 markah]

**Jawapan:**

- iv) Sebagai pengamal perubatan tradisional, saya mengubah pandangan masyarakat terhadap kaedah perubatan tradisional dengan

\_\_\_\_\_.

Selain itu, \_\_\_\_\_.

**Soalan iv**

- memberikan penjelasan tentang kebaikan rawatan tradisional
- membuat video tentang kaedah perubatan tradisional dan memuat naik di media sosial
- membuat demonstrasi kaedah tradisional menawarkan rawatan percuma kepada pesakit yang pertama kali mencubanya

(sekurang-kurangnya 2 isi)

# KERTAS 2

## SOALAN 8

PEMAHAMAN NOVEL

SET 1-5

### **SOALAN 8: Pemahaman Novel - SET 1**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- (i) Baca petikan novel di hawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Tentulah tidak," balas Muhammad Taufik, nadanya tenang sahaja.

"Saya telah memutuskan bahawa kelip-kelip di Kuala Selangor berada di ambang kepupusan Kedatangan pelancong yang ramai, hampir 100 ribu orang pada setiap tahun, dengan semua entiti yang datang bersama mereka seperti suara manusia, bunyi enjin motobot, cahaya lampu di jeti, pencemaran air sungai yang mengancam pokok-pokok berembang, pemusnahan kawasan paya bakau, cahaya dari kawasan petempatan manusia, dan cahaya roda ferris, semuanva membawa ancaman kepada populasi kelip-kelip. Kelip-kelip ini, yang telah wujud jutaan tahun di tempat ini dan tidak pernah mendatangkan sebarang kesusahan kepada manusia di sini akan mengalami kepupusan dalam masa setahun sahaja jika keadaan sedia ada berterusan.

Dipetik daripada  
novel Bimasakti Menari  
karya Sri Rahayu Mohd Yusop  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan.

[4 markah]

Berdasarkan petikan, antara \_\_\_\_\_  
(kehendak soalan) termasuklah \_\_\_\_\_ (isi 1),  
\_\_\_\_\_ (isi 2)  
dan \_\_\_\_\_ (isi 3).

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan ketabahan yang mampu memberi kesan kepada pembaca.

[6 markah]

**Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_.**

**Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang pembaca termasuklah peristiwa \_\_\_\_\_ (siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).**

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa kedua yang \_\_\_\_\_ pembaca ialah peristiwa \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

### **SOALAN 8: Pemahaman Novel - SET 2**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab solan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Berapa lama Haiqal di sini ?"

"Err...tak pasti lagi, pak cik. Mungkin sehingga keputusan STPM diumumkan. Saya ni hendak berehat-rehat di sini. Tukar angin, jawab Haiqal. "Baguslah kalau begitu, Haiqal. Kampung ini kampung Haiqal juga. Pak cik harap Haiqal akan berasa selesa tinggal di sini. Lagipun banyak perkara yang akan Haigal uruskan di sini. Segala-galanya akan pak cik serahkan kembali kepada Haigal," ujar Tauke Ong.

"Apa perkaranya, pak cik?"

Selama ini pak ciklah yang diamanahkan oleh arwah ayah kamu mengerjakan semua tanahnya di baruh dan di belakang rumah yang telah ditanami pokok kelapa sawit. Cuma tanah yang pak cik duduki sekarang sahaja yang masih kekal dengan pokok-pokok getah. Pak cik juga usahakan tanaman getah ini. Semua ni hak kamu. Nanti pak cik serahkan buku bank yang dibuka oleh arwah ayah Haigal atas nama kamu," Tidak diduga sama sekali, rupa-rupanya arwah ayahnya ada meninggalkan sesuatu untuknya. Betapa seharusnya dia mengucapkan terima kasih kepada Tauke Ong yang telah menjaga amanahnya.

Dipetik daripada  
novel Silir Daksina,  
karya Nizar Parman  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang diamanahkan oleh arwah ayah Haiqal kepada Tauke Ong?

[4 markah]

Berdasarkan petikan, antara \_\_\_\_\_  
(kehendak soalan) termasuklah \_\_\_\_\_ (isi 1),  
\_\_\_\_\_ (isi 2)  
dan \_\_\_\_\_ (isi 3).

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan kerjasama yang mampu memberi kesan kepada pembaca.

[6 markah]

**Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_.**

**Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang pembaca termasuklah peristiwa \_\_\_\_\_**

*(siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).*

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa kedua yang \_\_\_\_\_ pembaca ialah peristiwa \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

### **SOALAN 8: Pemahaman Novel - SET 3**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Apabila terdengar bunyi kendaraan semakin hampir dengan rumah, Nurul Hafsa segera meninggalkan pembacaannya tentang Skala Langit Gelap Bortle. Dia mengintai dari celah tingkap. Dia sangkakan abangnya akan menaiki teksi untuk pulang setelah tiga hari berkhemah di Taman Rimba Templer. Namun, dilihatnya Budiman keluar dari perut pacuan empat roda jenis hibrid jenama Proton Pria berwarna putih yang menjadi idamannya

Semenjak mula bekerja lagi Nurul Hafsa ada mengimpikan untuk menjadi pemilik sebuah kereta hibrid, Kereta yang berenjin petrol dan bermotor elektrik itu mengurangkan kebergantungan terhadap minyak petrol. Enjin yang bersaiz kecil mengurangkan kehilangan tenaga dalaman dan mengurangkan berat keseluruhan kereta. Bentuk kereta yang aerodinamik juga mengurangkan beban enjin dan hasilnya ialah penjimatan tenaga "Ah, suatu hari nanti, suatu hari nanti!" kata Nurul Hafsa senyap-senyap.

Dipetik daripada novel *Bimasakti Menari*  
karya Sri Rahayu Mohd Yusop  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berikan alasan-alasan Nurul Hafsa memilih kereta pacuan empat roda jenis hibrid berjenama Proton Pria menjadi idamannya.

[4 markah]

Berdasarkan petikan, antara \_\_\_\_\_

(kehendak soalan) termasuklah \_\_\_\_\_ (isi 1),

\_\_\_\_\_ (isi 2)

dan \_\_\_\_\_ (isi 3).

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- (a) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari,uraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan bagi setiap novel.

[6 markah]

Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_ dan  
\_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_.

Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang  
pembaca termasuklah  
peristiwa \_\_\_\_\_  
(siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).

Peristiwa ini \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_.

Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang  
pembaca termasuklah  
peristiwa \_\_\_\_\_  
(siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).

Peristiwa ini \_\_\_\_\_  
kerana \_\_\_\_\_.

### **SOALAN 8: Pemahaman Novel - SET 4**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Taufik!" Budiman melaung cemas dan merangkul rakannya itu. Muhammad Taufik bergerak sedikit dan membuka mata.

"Budiman. Kau datang juga," Muhammad Taufik berkata perlahan Budiman mengetap bibirnya. Nurul Hafsa segera menelefon ambulans dan menanggalkan baju sejuk yang dipakainya. Baju sejuk itu digunakan Budiman untuk menekan luka Muhammad Taufik.

"Siapa buat engkau begini?"

"Tak tahu. Tiga orang, uh ...." ucap Muhammad Taufik dengan sukar.

"Sabarlah, Taufik. Tak teruk sangat ni," Budiman memberi kata-kata semangat seperti dia berkata kepada anak muridnya yang mengalami kecederaan ketika mereka bermain futsal, padahal wajah Budiman sendiri pucat lesi melihat kecederaan yang dialami sahabatnya itu.

Dipetik daripada  
novel Bimasakti Menari  
karya Sri Rahayu Mohd Yusop  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah tindakan-tindakan Nurul Hafsa dan Budiman apabila menemui Muhammad Taufik?

[4 markah]

Berdasarkan petikan, antara \_\_\_\_\_

(kehendak soalan) termasuklah \_\_\_\_\_ (isi 1),

\_\_\_\_\_ (isi 2)

dan \_\_\_\_\_ (isi 3).

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang dapat menarik perhatian pembaca.

[6 markah]

**Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_.**

**Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang pembaca termasuklah peristiwa \_\_\_\_\_ (siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).**

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa kedua yang \_\_\_\_\_ pembaca ialah peristiwa \_\_\_\_\_.**

**Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.**

### **SOALAN 8: Pemahaman Novel - SET 5**

8. Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Agak lama pula dia digelut geiolak dalam dirinya. Dia terus teringat-ingat akan peristiwa malang yang mengakibatkan kematian anak kesayangannya itu. Ingatan tentang peristiwa itu, bagaikan sejenis pohon berduri yang sentiasa segar menusuk hati nuraninya. Selurus, filem sinar-X milik Unong Siron itu sekali lagi ditatap oleh Raiha. Imej pada filem sinar-X itu menghantui benaknya, biarpun sebelum itu dia telah berbincang dengan Doktor Uwang tentang filem sinar-X tersebut. Kemudian, dia menggeleng-gelengkan kepalanya berulang kali. Telinganya seperti dapat menangkap bunyi Unong Siron mengerang kesakitan semasa dibawa ke bilik bedah tadi. Dia seperti dapat melihat kembali wajah Unong Siron yang pernah gebu suatu ketika dahulu, sekarang sudah berubah menjadi kurus cengkung dan sepucat mayat.

Raiha mengerutkan dahinya, mengeluh resah kerana diburu kerisauan yang tidak keruan.

Dipetik daripada novel ‘*Pantai Kasih*’  
oleh Azmah Nordin  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan petikan di atas, apakah perkara-perkara yang mengganggu fikiran Doktor Raiha?

[4 markah]

Berdasarkan petikan, antara \_\_\_\_\_

(kehendak soalan) termasuklah \_\_\_\_\_ (isi 1),

\_\_\_\_\_ (isi 2)

dan \_\_\_\_\_ (isi 3).

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani karya Beb Sabariah
- g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa yang dapat dijadikan motivasi kepada pembaca bagi setiap novel.

[6 markah]


Novel yang saya kaji ialah \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_ karya \_\_\_\_\_.

Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang \_\_\_\_\_ pembaca termasuklah peristiwa \_\_\_\_\_  
(siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).

Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.

Berdasarkan novel \_\_\_\_\_, antara peristiwa yang \_\_\_\_\_ pembaca termasuklah peristiwa \_\_\_\_\_  
(siapa, buat apa, di mana, mengapa, bagaimana).

Peristiwa ini \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.



# **SKEMA JAWAPAN NOVEL**

## SET 1-5

## **SKEMA JAWAPAN PEMAHAMAN NOVEL**

### **SET 1**

8(i) Nyatakan faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan.

**P1-** Faktor-faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan disebabkan kedatangan pelancong yang ramai pada setiap tahun.

**P2-** Selain itu, faktor bunyi bising suara manusia, bunyi enjin motobot dan cahaya lampu di jeti turut menjadikan populasi kelip-kelip.

**P3-** Seterusnya, pencemaran air sungai berlaku sehingga mengancam pokok-pokok berembang.

**P4-** Akhir sekali, pemusnahan kawasan paya bakau turut menjadi faktor populasi kelip-kelip di Kuala Selangor semakin berkurangan.

(ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan dua peristiwa yang menunjukkan peristiwa ketabahan yang mampu memberi kesan kepada pembaca.

| Novel          | Fokus           | Peristiwa  | Alasan  |
|----------------|-----------------|--|---|
| TIRANI         | Nilai ketabahan | <p><b>Ketabahan seorang Wanita menghadapi cabaran dalam kehidupan,</b> Waheeda tabah menjalani kehidupan selepas diceraikan oleh suaminya Zahid sehingga dia mengalami kemurungan</p> <p><b>Ketabahan dalam menjalankan perniagaan.</b> Waheeda telah menjalankan perniagaannya dengan mengambil risiko untuk mengusahakan chalet yang hampir muflis sehinggalah chaletnya berkembang maju</p>       | <p>Pembaca berasa nilai tersebut dapat dijadikan contoh kerana seorang wanita Berjaya bangkit daripada kenangan silam/menimbulkan nilai kegigihan dalam menghadapi pelbagai ringtangan dalam kehidupan</p> <p>Pembaca berasa nilai tersebut dapat dijadikan contoh kerana seorang wanita sentiasa tabah dan gigih dalam melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya.</p> |
| LEFTENAN ADNAN | Nilai ketabahan | <p><b>Ketabahan seorang wira negara dalam mempertahankan tanah air.</b> Leftenan Adnan tabah mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun walaupun sehingga titisan darah terakhir.</p> <p><b>Ketabahan seorang bapa dalam memberikan ilmu pendidikan kepada anak.</b> Pak Saidi tabah dengan cemuhan/ejekan orang kampung kerana menghantar anak-anaknya di sekolah inggeris.</p> | <p>Pembaca berasa nilai tersebut dapat dijadikan contoh kerana sebagai seorang tentera harus memiliki sikap patriotisme yang tinggi dalam mempertahankan negara/ketabahan yang utuh Ketika menghadapi musuh,</p> <p>Pembaca berasa nilai tersebut dapat dijadikan contoh kerana seorang bapa perlu ada sikap tabah dalam membesarkan anak.</p>                          |

**SET 2**

8 (i) Apakah yang diamanahkan oleh arwah ayah Haiqal kepada Tauke Ong?

**P1-** tanah yang ditanami pokok kelapa sawit

**P2** -tanah yang ditanami pokok getah

**P3-** buku bank yang dibuka dengan nama Haiqal

(ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari,uraikan dua peristiwa yang menunjukkan peristiwa kerjasama yang mampu memberi kesan kepada pembaca.

| Novel                 | Fokus     | Peristiwa   | Alasan   |
|-----------------------|-----------|---|--|
| <b>Leftenan Adnan</b> | Kerjasama | <p><b>Nilai kerjasama mempertahankan musuh.</b> Leftenan Adnan Wira Bangsa Leftenan Adnan bekerjasama dengan askar Melayu untuk mempertahankan Bukit Candu daripada tawanan tentera Jepun.</p> <p><b>Nilai kerjasama merancang strategi.</b> Leftenan Adnan bekerjasama dengan Kapten Rix untuk merancang strategi bagi menyekat kemaraan musuh apabila mengetahui tentera Jepun akan menyerang Singapura</p> | <p>Pembaca berasa nilai kerjasama ini amat penting dalam melakukan apa-apa tugas sekalipun demi mencapai kejayaan dalam hidup.</p> <p>Pembaca berasa nilai kerjasama yang ditunjukkan dalam peristiwa ini amatlah memberi kesan dalam melaksanakan sesuatu tugas.</p>        |
| <b>Tirani</b>         | Kerjasama | <p><b>Nilai kerjasama menjalankan perniagaan.</b> Waheeda bekerjasama dengan keluarganya untuk mengurus Syarikat Tajau Emas yang mengusahakan inap desa di Matang, Sarawak.</p> <p><b>Nilai kerjasama menyelesaikan masalah.</b> Abang Waheeda, iaitu Ghazi bekerjasama dengan ibunya, Raidah untuk menyembuhkan penyakit kemurungan yang dihadapi oleh adiknya, Waheeda.</p>                                 | <p>Pembaca berasa nilai kerjasama ini amat penting dalam melakukan apa-apa tugas sekalipun demi mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan.</p> <p>Pembaca berasa nilai kerjasama yang ditunjukkan dalam peristiwa ini amatlah memberi kesan dalam menyelesaikan masalah.</p> |

**SET 3**

- 8(i) Berikan alasan-alasan Nurul Hafsa memilih kereta pacuan empat roda jenis hibrid berjenama Proton Pria menjadi idamannya.

**P1-** Kereta yang berenjin petrol dan bermotor elektrik itu mengurangkan kebergantungan terhadap minyak petrol

**P2-** Enjin yang bersaiz kecil mengurangkan kehilangan tenaga dalaman dan mengurangkan berat keseluruhan kereta

**P3-** Bentuk kereta yang aerodinamik juga mengurangkan beban enjin dan hasilnya ialah penjimatan tenaga

- (ii) Berdasarkan **dua buah** novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan kebijaksanaan watak utama bagi setiap novel.

| Novel          | Kehendak Soalan                       | Peristiwa  | Alasan   |
|----------------|---------------------------------------|--|--|
| Leftenan Adnan | menunjukkan kebijaksanaan watak utama | <p>Adnan mendapat tempat pertama dalam peperiksaan. Adnan menjadi johan dalam pertandingan pidato bahasa Inggeris setelah berlatih selama sebulan walaupun pada mulanya Adnan diejek kerana tidak fasih berbahasa Inggeris.</p> <p>Adnan menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke kampung demi keselamatan mereka kerana bimbang terhadap kedatangan Jepun ke Singapura.</p> | <p>seorang murid yang berjaya dalam peperiksaan.</p> <p>pertandingan yang disertainya.</p> <p>Seorang suami bijak dalam membuat keputusan dalam menyelamatkan keluarganya.</p> |
| Tirani         |                                       | Waheeda bijak mengambil peluang dengan mengambil alih sebuah chalet yang hampir bankrap, iaitu Iwana-Iwani di Cameron Highlands dan ditukarkan namanya kepada Aya-Sajinah.   | Menunjukkan kebijaksanaan seorang usahawan / ibu tunggal / wanita yang bijak mengambil peluang untuk berjaya dalam perniagaan / hidup.   |

**SET 4**

- 8(i) Apakah tindakan-tindakan Nurul Hafsa dan Budiman apabila menemui Muhammad Taufik?

**P1-** Budiman melaung cemas dan merangkul rakannya itu.

**P2-** Nurul Hafsa segera menelefon ambulans dan menanggalkan baju sejuk yang dipakainya.

**P3-** Baju sejuk itu digunakan Budiman untuk menekan luka Muhammad Taufik.

- (ii) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua peristiwa yang dapat menarik perhatian pembaca.

| Novel          | Kehendak Soalan                  | Peristiwa   | Alasan   |
|----------------|----------------------------------|---|--|
| Leftenan Adnan | dapat menarik perhatian pembaca. | <p>Adnan dan askar melayu mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun.</p> <p>Pak Saidi menghadapi kritikan penduduk kampung yang menentang tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris kerana mereka bimbang Adnan akan murtad.</p> <p>Adnan menjadi johan dalam pertandingan pidato bahasa Inggeris setelah berlatih selama sebulan walaupun pada mulanya Adnan diejek kerana tidak fasih berbahasa Inggeris.</p> | <p>Seorang tentera menunjukkan semangat cinta akan negara.</p> <p>Seorang tentera mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh kuasa luar.</p> <p>Seorang ayah sanggup dihina untuk menjadikan anaknya berjaya.</p> <p>Seorang murid yang berusaha untuk berjaya walaupun mempunyai kelemahan.</p> |
| Tirani         |                                  | <p>Encik Fadhil tegas dengan keputusannya melarang Waheeda daripada melakukan pembedahan plastik kerana bercanggah dengan agama Islam.</p> <p>Bazilah sentiasa menemani Waheeda ketika pergi ke hospital untuk mendapatkan rawatan.</p>   | <p>Seorang bapa yang sangat menyayangi anaknya dan tidak mahu anaknya melanggar hukum agama.</p> <p>Seorang kawan yang sentiasa prihatin dan membantu rakannya yang memerlukan bantuan.</p>  |

|  |  |  |   |
|--|--|--|---|
|  |  | <p>Waheeda telah mengembangkan sayap perniagaannya dengan membuka satu cawangan lagi chaletnya, di Cameron Highlands, iaitu Aya-Sajinah.</p> | <p>Seorang ibu Tunggal / usahawan / wanita yang gigih berusaha untuk mencapai kejayaan.</p> |
|--|--|--|---|

## **SET 5**

- 8(i) Berdasarkan petikan di atas, apakah perkara-perkara yang mengganggu fikiran Doktor Raiha?
- P1-** peristiwa malang yang mengakibatkan kematian anak kesayangannya  
**P2-** Imej pada filem sinar-X itu menghantui benaknya  
**P3-** bunyi Unong Siron mengerang kesakitan semasa dibawa ke bilik bedah tadi  
**P4-** Dia seperti dapat melihat kembali wajah Unong Siron yang pernah gebu suatu ketika dahulu, sekarang sudah berubah menjadi kurus cengkung dan sepucat mayat
- (ii) Berdasarkan dua novel yang anda pelajari, jelaskan satu peristiwa bagi setiap novel yang anda pelajari di tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang dapat dijadikan motivasi kepada pembaca.

| Novel                             | Kehendak Soalan                                   | Peristiwa  | Alasan  |
|-----------------------------------|---|--|---|
| <b>Leftenan Adnan Wira Bangsa</b> | Peristiwa dapat dijadikan motivasi kepada pembaca | Leftenan Adnan dan askar Melayu yang gigih berjuang sehingga ke titisan darah terakhir di Bukit Candu mempertahankan tanah airnya dan tidak menyerah kalah kepada Jepun walaupun kehabisan peluru, mereka tidak berundur.  | Peristiwa ini memberikan motivasi kepada pembaca kerana keberanian dan keteguhan seorang tentera yang mempertahankan tanah airnya daripada dijahah oleh kuasa luar dan dapat menimbulkan semangat cinta akan negara kepada pembaca. |
| <b>Tirani</b>                     |   | Waheeda yang tabah mendidik dan membesarkan anaknya Izzati dengan penuh kasih sayang walaupun tanpa suami di sisi di samping menguruskan perniagaan pelancongannya setelah diceraikan oleh Zahid. Anaknya, Izzati membesar menjadi seorang anak yang berbudi bahasa dan berjaya dalam pelajaran, serta bakal mewarisi perniagaan ibunya. | Peristiwa ini memberikan motivasi kepada kerana ketabahan seorang ibu tunggal membesarkan anak sehingga berjaya ke universiti dan menjadi ahli perniagaan yang berjaya.   |

# KERTAS 2


SOALAN 9

RUMUSAN

SET 1-5

### A. STRATEGI MENGHASILKAN PENDAHULUAN RUMUSAN

- † Baca dan Fahami keseluruhan kandungan semua bahan yang diberikan.
- † Kenal pasti **Fokus 1** dan **Fokus 2** atau **Fokus 3 (sekiranya ada)** dalam petikan.
- † Tulis pendahuluan dalam **SATU AYAT** sahaja.
- † Rumusan/ bahan membincangkan .....



#### PENDAHULUAN :

Rumusan membincangkan (F1) ..... dan  
(F2) ..... / serta  
(F3 sekiranya ada).....

( 2 markah)

## B. STRATEGI MENGHASILKAN ISI

### STRATEGI 1:

- Baca dan teliti bahan sekali lagi
- Garisi isi mengikut fokus **bagi setiap bahan**  
(Anda perlu mengenal pasti isi daripada petikan – dalam petikan terdapat sekurang-kurangnya **dua fokus** yang berbeza):
  - Senaraikan isi sahaja. Jangan ambil huraian dan contoh
- Anda mesti mengambil sekurang-kurangnya **satu isi** bagi setiap **fokus**

### STRATEGI 2:

- Teliti bahan dua dan bahan 3 ( sekiranya ada)
- Kenal pasti fokus bahan-bahan tersebut (sama ada dalam bahan tersebut ada satu atau dua fokus)

### STRATEGI 3:

- Menulis perenggan Isi
- Anda perlu menulis kata kunci fokus dan tema  
Contohnya: **Langkah-langkah memupuk semangat kejiranan**  
.....

**Peringatan!:** Elakkan menggunakan antaranya ialah.....

Jika anda tidak menulis kata fokus yang tepat di awal perenggan isi , isi yang pertama akan dipenalti (0 markah)

### STRATEGI 4:

- Menulis isi mengikut **Fokus** soalan.
- Sekiranya bahan mengandungi 2 fokus seelok-eloknya asingkan isi kepada **dua perenggan** iaitu satu perenggan bagi satu fokus.
- Jadi kalau bahan mengandungi 3 fokus → 3 perenggan isi

### C : STRATEGI MENGHASILKAN KESIMPULAN

*Menulis untuk melengkapkan maklumat daripada bahan*

LENGKAPKAN KESIMPULAN



TEMA



..... agar /supaya

**Penutup :**

*Kesimpulannya.....*

*agar/ supaya .....*

Catatan:

- Kesimpulan ditulis dalam satu ayat sahaja
- Jangan masukkan pihak dalam kesimpulan
- Jangan masukkan peribahasa.

Kata kunci tema kena ada

Semangat kejiranan

hendaklah dipupuk

agar /supaya

dapat mewujudkan negara yang aman/ harmoni

**Kesimpulannya semangat kejiranan hendaklah dipupuk agar/ supaya dapat mewujudkan negara yang aman/ harmoni.**

**Kesimpulannya Semua pihak hendaklah dipupuk  
/ Semangat kejiranan hendaklah dipupuk oleh semua pihak- agar/  
supaya .....**

**\*\* JANGAN JAWAB MACAM INI LAGI ( 0 markah)**

## **PANDUAN MENGIRA PATAH PERKATAAN RUMUSAN**

- Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi — **20 markah**
- (b) Bahasa — **10 markah**
- (a) Isi [**20 markah**]

**Nota:**

Perkataan yang dikira sebagai **satu perkataan**:

- *nama khas*
- *perkataan berganda*
- *penggunaan kata sendi di dan ke*
- *tarikh*
- *angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan*
- *gelaran - penanda wacana.*

## **PEMARKAHAN RUMUSAN**

- Jawapan akan dikira sehingga **120 patah perkataan**.
- Selebihnya **tidak perlu diperiksa**. **KIRA JAWAPAN ANDA**.
- **Dua markah** diberi bagi setiap **isi yang tepat dan lengkap** sahaja.
- Anda perlu mengambil sekurang-kurang **1 isi** daripada setiap fokus dan daripada **setiap bahan**.
- Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah **8 isi yang lengkap** sahaja.

**Nota:**

1. Jika anda menjawab dalam bentuk **poin/ fakta** markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
2. Jika markah isi **5 markah dan ke bawah** tetapi **bahasa sangat baik**, markah maksimum bahasa ialah **5 markah**.
3. Jika markah isi **6 markah** dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa.
4. Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, **ayat demi ayat** walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, anda tidak akan mendapat markah bahasa (0 markah bahasa).

**CONTOH:**

Baca petikan dan teliti bahan. Kemudian masukkan fokus bagi isi penting bergaris pada setiap bahan.

**SOALAN 9 : RUMUSAN****[30 Markah]**

Baca petikan dan teliti bahan di bawah, kemudian buat satu rumusan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

| BAHAN 1   | TEMA | FOKUS 1: Manfaat / Kebaikan Melancong |
|---|------|---------------------------------------|
| <p>Umum mengetahui melancong merujuk kepada aktiviti lawatan atau kunjungan ke sesuatu tempat bagi tujuan tertentu. Sektor pelancongan negara kembali pulih setelah hampir dua tahun berhadapan dengan situasi sukar akibat serangan Covid-19. Susulan dengan itu, Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Malaysia giat merancang program pelancongan dalam negara. Melalui aktiviti melancong di inap desa yang diusahakan oleh penduduk kampung, manfaat yang boleh kita perolehi ialah dapat mempelajari adat, budaya dan nilai kesopanan (F1) Budaya masyarakat Timur seperti kerjasama dan hormat-menghormati masih subur diamalkan oleh penduduk di desa.</p>   |      |                                       |
| <b>FOKUS 2: Langkah-langkah persediaan sebelum melancong</b>  |      |                                       |
| <p>Sebelum melancong kita perlu mempunyai persediaan untuk memastikan percutian berjalan dengan lancar. Kita perlu mendapatkan maklumat yang mencukupi tentang destinasi yang ingin dituju ( ). Maklumat ini boleh didapati dengan melayari internet atau bertanya kepada rakan-rakan yang pernah mengunjungi lokasi tersebut. Setelah sibuk bekerja, pastinya kita memerlukan aktiviti yang boleh menenangkan fikiran daripada tekanan kerja dan rutin kehidupan harian. Oleh itu, aktiviti melancong berupaya merehatkan minda dan mengurangkan stress seseorang ( ). Seseorang yang ingin pergi melancong hendaklah mengetahui kadar tukaran wang negara yang dipilihnya agar dapat merancang perbelanjaan dengan sebaiknya ( ). Selain itu, bagi memastikan kita tidak mengalami kesukaran semasa bercuti dan selepas balik dari melancong pengurusan kewangan yang bijak juga penting ( ).</p> |      |                                       |
| <p>Di samping itu, pelancongan berkonsepkan riadah dan rekreatif pula menjadikan individu itu tahan diuji dari segi minda dan fizikal ( ). Sifat yang sedemikian dapat dibentuk melalui aktiviti lasak seperti berbasikal, berenang dan mengembara di hutan. Lokasi seperti Hutan Rekreasi Tanjung Tuan, Pulau Redang, dan Lata Kijang menjadi tumpuan pelancong. Namun, sebagai persediaan kita disaran untuk membuat pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan perjalanan sekiranya mempunyai sejarah penyakit serius ( ). Hal ini penting bagi mengelakkan situasi yang di luar jangkaan. Aktiviti melancong haruslah dijadikan agenda keluarga bagi membentuk masyarakat yang sihat dari segi mental dan fizikal.</p>   |      |                                       |

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Melancong Merehatkan Minda'  
oleh Dr.Kama Shaffeei Dewan Siswa, Bil 12/202

## BAHAN 2

### Gurindam Ragam Melancong

Pusat pelancongan megah dibina,  
Jadi tumpuan serata manusia.

Kalau melancong bersama keluarga,  
Ikatan ukhuwah sentiasa terjaga.( )

Rancang perjalanan ketika bercuti,( )  
Tidaklah nanti akan sakit hati.

Kalau melancong sambil belajar,  
Banyak pengetahuan dapat dikehjarnya.( )

(Sumber: Hasil karya Engku Muzahadin)



## BEDAH RUMUSAN – SET 1

### Fokus 1:

1. Manfaat-manfaat/ Kebaikan-kebaikan melancong

### Fokus 2:

2. Langkah-langkah persediaan sebelum melancong

### PENDAHULUAN

FOKUS 1

Rumusan membincangkan .....  
dan .....



### SENARAIKAN ISI-ISI

|                |   |
|----------------|---|
| <b>Bahan 1</b> | <b>Fokus 1: Kebaikan-Kebaikan Melancong</b>   |
|                | K1-kita boleh mempelajari adat, budaya dan nilai kesopanan.   |
|                | K2- aktiviti melancong berupaya merehatkan minda dan mengurangkan stres seseorang.  |
| <b>Bahan 2</b> | K3- pelancongan berkonsepkan riadah dan rekreasi pula menjadikan individu itu berperibadi ceria serta tahan diuji dari segi minda dan fizikal |
|                | <b>Fokus 2: Langkah-langkah persediaan sebelu melancong</b>   |
|                | P1-Mendapatkan maklumat yang mencukupi tentang destinasi yang ingin dituju.   |
| <b>Bahan 2</b> | P2-Hendaklah mengetahui kadar tukaran wang negara yang dipilihnya   |
|                | P3-pengurusan kewangan yang bijak juga penting  |
|                | P4-Kita disaran membuat pemeriksaan kesihatan sebelum memulakan perjalanan sekiranya mempunyai sejarah penyakit serius.                       |
| <b>Bahan 2</b> | <b>Fokus 1: Kebaikan-kebaikan/ Manfaat-manfaat melancong</b>  |
|                | K5-Dapat menjaga ikatan ukhuwah apabila melancong bersama keluarga  |
|                | K6-Banyak pengetahuan akan dikehjarnya apabila melancong sambil belajar   |
|                | <b>Fokus 2: Langkah-langkah persediaan sebelum pergi melancong</b>  |
|                | P4-Rancang perjalanan ketika bercuti  |

### KESIMPULAN

FOKUS 1

Kesimpulannya, sektor pelancongan haruslah dimajukan agar/supaya dapat meningkatkan ekonomi negara.

TEMA

CADANGAN

**TUGASAN 2**

**LENGKAPKAN JAWAPAN ANDA BERDASARKAN SET 1**

Rumusan membincangkan .....

dan .....

(Fokus dan Tema) .....(B1).....

.....(B1K).....

dan .....(B1K)

Selain itu,.....(B2K)

Manakala, (Fokus 2 + tema) .....(B1P)

.....(B1P ) .....dan

(B1P).....

Di samping itu, (B2P).....

(B2P ) .....

Kesimpulannya, ..... perlu .....

agar/ supaya .....

( \_\_\_\_\_ patah perkataan)

## SOALAN 9 : RUMUSAN

[30 Markah]

Baca petikan dan teliti bahan di bawah, kemudian buat satu rumusan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

### BAHAN 1

**TEMA**

**FOKUS 2:**  
**Punca-punca wujudnya situasi tidak selamat di sekolah**

**Keselamatan di sekolah** sering mendapat liputan meluas dalam pelbagai saluran media. Masalah-masalah seperti kes buli dan deraan yang sering berlaku di sekolah telah mewujudkan **situasi tidak selamat** di sekolah. Kedua-dua masalah ini berkait dengan masalah **disiplin murid** seperti perasaan ingin menunjukkan kekuatan fizikal dan kuasa. Oleh sebab itu, sekolah selamat perlu diwujudkan bagi mengelakkan rasa cemas ibu bapa apabila menghantar anak-anak mereka di sekolah.

**FOKUS 2: Langkah-langkah mewujudkan keselamatan di sekolah / sekolah selamat**

Dalam hal ini, **pihak sekolah** perlu mengenal pasti kawasan yang berpotensi menggugat **keselamatan di sekolah**. Bagi jangka masa pendek, **pihak sekolah juga perlu mendidik murid dengan pengetahuan tentang ciri-ciri keselamatan di sekolah**. Pengetahuan ini meliputi waktu di sekolah, luar sekolah, termasuk sewaktu aktiviti kokurikulum seperti pengajian program-program tertentu atau melalui pendedahan guru-guru mata pelajaran itu sendiri semasa mengajar di dalam kelas. **Pihak sekolah** perlu meletakkan papan tanda keselamatan dan bahan bacaan berkaitan petua keselamatan di tempat-tempat strategik supaya boleh dilihat dan dibaca oleh murid-murid.

Di samping itu, **setiap sekolah juga seharusnya menganjurkan program khas pembentukan peribadi murid** bagi menyelesaikan masalah disiplin seperti buli untuk melahirkan sekolah selamat. Contohnya, pelaksanaan ‘Kem Sahsiah Unggul’ oleh unit kaunseling. Hal ini dapat dikesan berjaya apabila terdapatnya penurunan prestasi akademik dalam kalangan murid-murid di sekolah. **Semua Guru dan pengawas juga perlu mempunyai pemerhatian yang tajam** untuk menyiasat murid yang mengalami perubahan tingkah laku yang mendadak kerana pengawas juga merupakan mata dan telinga pihak sekolah. Kerjasama ini sangat penting kerana kebanyakan kes keselamatan dan jenayah di sekolah berlaku berpunca daripada **kurangnya pengawasan disiplin di sekolah** dan berdasarkan **wujudnya peluang serta sokongan kelompok**.

Dipetik dan diubah suai daripada  
‘Selamatkah sekolah kita?’

Oleh Anuar Ahmad,  
[www.utusan.com](http://www.utusan.com)

## BAHAN 2

PUTRAJAYA: Kementerian Pendidikan (KPM) akan menyediakan portal aduan keselamatan bagi memastikan keselamatan murid di sekolah seperti portal buli pada minggu hadapan sebagai usaha menambah baik pendekatan memerangi kes ini, kata Menteri Kanan Pendidikan Datuk Radzi Jidin.

"Kalau ada kecemasan berkaitan dengan buli ini dan ada mesej yang hendak disampaikan secara sulit, ada platform (portal) yang jelas untuk mereka sampaikan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Showcase Transformasi Pendidikan di sini pada Sabtu.

Beliau juga berkata ibu bapa dan guru haruslah membuat laporan mengenai kes buli di sekolah seperti panggilan telefon, e-mel ataupun membuat laporan terus ke balai polis sekiranya kes tersebut berada pada tahap yang serius.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Sumber Internet

## BAHAN 3



**BEDAH RUMUSAN – SET 2****TUGASAN 3****FOKUS:**

1. Punca-punca .....
2. Langkah-langkah .....

**PENDAHULUAN:**

Rumusan membincangkan .....  
dan .....

**SENARAIKAN ISI-ISI:**

|                |  |
|----------------|--|
| <b>Bahan 1</b> | <b>FOKUS 1: Punca-punca wujudnya situasi tidak selamat di sekolah</b>                    |
|                | P1- Keadaan ini berkait dengan.....  |
|                | P2-Kurangnya pengawasan disiplin di sekolah dan.....                                     |
|                |  |
|                | <b>Fokus 2: Langkah-langkah mewujudkan sekolah selamat</b>                               |
|                | L1- ..... perlu mengenal pasti kawasan yang berpotensi menggugat keselamatan di sekolah. |
|                | L2- pihak sekolah juga perlu ..... tentang ciri-ciri keselamatan di sekolah.             |
|                | L3- Setiap sekolah juga seharusnya menganjurkan .....                                    |
|                | L4-  |
|                | <b>FOKUS 1: Punca-punca wujudnya situasi tidak selamat di sekolah</b>                    |
| <b>Bahan 2</b> | TIADA  |
|                | <b>Fokus 2: Langkah-langkah mewujudkan sekolah selamat</b>                               |
|                | L4-Kementerian Pendidikan (KPM) akan menyediakan portal aduan keselamatan                |
|                | L5-Ibu bapa dan guru haruslah membuat laporan mengenai kes buli di sekolah               |
| <b>Bahan 3</b> | <b>FOKUS 1: Punca-punca wujudnya situasi tidak selamat di sekolah</b>                    |
|                | P3-kerana sering dibuli dan diganggu   |
|                | <b>Fokus 2: Langkah-langkah mewujudkan sekolah selamat</b>                               |
|                | L6- guru/cikgu mengambil tindakan segera dengan aduan murid                              |

**KESIMPULAN:**

Kesimpulannya, keselamatan di sekolah/ Situasi sekolah selamat haruslah dikekalkan / diwujudkan agar/ supaya murid-murid dapat belajar dalam keadaan yang aman dan selesa/ tenang.

**SOALAN 9 : RUMUSAN****[30 Markah]**

*Baca petikan dan teliti bahan di bawah, kemudian buat satu rumusan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

**BAHAN 1****FOKUS 1:**

Perkataan masyarakat merujuk kepada kata pinjaman dalam bahasa Arab iaitu musyarakah yang memberi makna kerjasama, sumbangan dan penyertaan individu secara positif dalam melakukan sesuatu aktiviti. Mengapakah kita perlu hidup bermasyarakat? Persoalan ini dapat dirungkai dengan mudahnya berdasarkan definisi kata musyarakah di atas. Pelbagai manfaat yang dapat diperoleh dengan mengamalkan hidup bermasyarakat. Antaranya, kita dapat menjalankan kerjasama antara satu sama lain.

Kita juga mampu menepis sikap individualistik dalam diri kita apabila hidup bermasyarakat kerana apa-apa tindakan yang kita lakukan adalah berdasarkan kepentingan bersama. Pelaksanaan Rukun Tetangga di sesebuah komuniti secara tidak langsung menggalakkan kehidupan bermasyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana penduduk dapat bergilir-gilir dan secara sukarela melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan secara bersama-sama kerana melalui Rukun Tetangga ialah penduduk setempat diberi kuasa melakukan rondaan dan memastikan keamanan dan keselamatan komuniti setempat.

**FOKUS 2:**

Selain itu, kita juga mampu menumpahkan bakti dan memanfaatkan kepakaran kerana hidup bermasyarakat membuka peluang kepada kita untuk sentiasa memberikan sumbangan atau penyertaan kepada anggota masyarakat yang lain pada saat sumbangan kita diperlukan. Anggota masyarakat yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India dan masyarakat lain mempunyai perbezaan pegangan hidup, budaya dan bahasa ibunda. Mereka mengetepikan perbezaan untuk menikmati hidup yang harmoni. Secara tidak langsung semangat kekitaan juga akan bercambah. Namun, anggota masyarakat kini mementingkan diri semata-mata tanpa memikirkan jiran-jiran dan ahli komuniti menyebabkan perpaduan kian luntur. Tambahan pula, pemahaman terhadap perbezaan budaya dan adat resam penduduk pelbagai kaum tidak dititikberatkan menyebabkan masyarakat kini tidak bersatu padu.

Sewajarnya, hidup bermasyarakat hendaklah dipupuk melalui aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan taman kediaman. Aktiviti ini seperti serampang dua mata, selain memupuk perpaduan kawasan kediaman juga menjadi bersih dan ceria. Oleh hal yang demikian, ayuh hidupkan semangat seperti seikat bak sirih, serumpun bak serai demi kesejahteraan hidup masyarakat dalam usaha melahirkan sebuah negara bangsa yang harmoni dan sehati sejiwa.

Dipertik dan diubahsuai daripada  
'Hidup Bermasyarakat Amalan Mulia'  
Modul Inspirasi Pendidikan YAPIEM 2022

## BAHAN 2

### PENTINGKAH PERPADUAN DIWUJUDKAN?

- Dapat mewujudkan suasana aman dan harmoni.
- Dapat memperkuuh perpaduan.
- Dapat mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat.
- Dapat meringankan beban golongan yang kurang nasib baik.



Dipetik dan diubahsuai daripada  
<https://anyflip.com/xamke/gcag>

## BAHAN 3


### Perpaduan yang Kian Longgar

Dalam menggenggam perpaduan  
Kita sering alpa dan leka  
tidak peduli soal penyatuan dan perpaduan,  
demi mengejar kepentingan diri

Perpaduan terlerai ikatan  
dek perkauman yang ditanam  
menjadikan rakyat hilang semangat,  
Bersikap seperti enau dalam belukar  
sudahnya perpaduan menjadi lenyap.

Perpaduan  
ikatan keramat menjadi longgar  
lantaran sikap malas mengambil cakna  
Perpaduan yang terpelihara rosak binasa

Cikgu S'wanie Mohd  
SMKSM



### **BEDAH RUMUSAN – SET 3**

#### **FOKUS:**

1. .....
2. .....

#### **PENDAHULUAN:**

Rumusan membincangkan.....  
dan .....

#### **SENARAIKAN ISI PENTING:**

|                |  |
|----------------|--|
| <b>Bahan 1</b> |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
| <b>Bahan 2</b> |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |
| <b>Bahan 3</b> |  |
|                |  |
|                |  |
|                |  |

#### **KESIMPULAN:**

Kesimpulannya, .....  
agar/ supaya murid-murid dapat belajar dalam keadaan yang aman dan selesa/ tenang

**TUGASAN 6**

**LENGKAPKAN JAWAPAN SET 3**

Rumusan membincangkan .....

dan .....

**(Fokus Soalan+Tema)** .....

.....  
.....  
.....

Manakala, .....

.....  
.....  
.....

dan .....

Kesimpulannya, .....

perlu/ agar .....

SET 4

**SOALAN 9 : RUMUSAN****[30 Markah]**

Baca petikan dan teliti bahan di bawah, kemudian buat satu rumusan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

**BAHAN 1**

Pembangunan **taman awam** di negara ini bermula pada zaman sebelum merdeka lagi dalam bentuk taman botani, iaitu Taman Botani Pulau Pinang, Taman Botani Taiping dan Taman Botani Tasik Perdana, Kuala Lumpur yang pada asalnya untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan, contohnya untuk pengumpulan koleksi spesies tumbuhan sama ada daripada spesies tempatan mahupun luar negara. Pembangunan taman awam ini akhirnya mampu memberi manfaat bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga kepada masyarakat. Walaupun, matlamat utama pembangunan taman adalah untuk menjayakan pencapaian kualiti kehidupan yang menyeluruh (Total Quality Living Environment) dengan tumpuan kepada mutu persekitaran kehidupan yang indah, bersih dan selamat.


Penyediaan taman awam juga dapat memberikan ruang yang selesa kepada penduduk setempat daripada impak rekreasi dan keindahan alam di sekitar contohnya, memberi peluang penduduk berinteraksi antara satu sama lain yang akan membantu integrasi sosial dan kesejahteraan hidup rakyat. Bagi mengekalkan kepentingannya Jabatan Landskap Negara bercadang melancarkan Hari Landskap Negara 2013 bagi memupuk kesedaran penjagaan landskap, taman dan ujana awam serta rung hijau di negara ini.

Pengguna yang memanfaatkan kemudahan yang disediakan mampu memperoleh peningkatan tahap kesihatan melalui pelbagai aktiviti fizikal seperti senaman dan bersukan secara berkumpulan atau individu. Malahan, keindahan persekitaran alam seperti pokok teduhan, padang rumput dan pokok bunga-bunga di kawasan itu mampu memberikan kelegaan daripada tekanan kehidupan seharian dan mempengaruhi tahap kesegaran mental pengguna. Bukan itu sahaja, sesetengah taman mampu menarik ribuan pelancong kerana mempunyai identiti dan keunikan sendiri. Hal ini serba sedikit akan membawa kepada peningkatan ekonomi setempat dari segi penginapan, perniagaan makanan dan kraf tangan.

Oleh sebab pembangunan taman dan ujana awam banyak membawa kepentingan kepada masyarakat, sewajarnyalah kita sebagai anggota masyarakat memainkan peranan dalam penyelenggaraan dan pengurusan aktiviti di taman-taman secara sistematik agar taman-taman yang dibina tidak terbiar begitu sahaja.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
**"Kepentingan Taman Awam kepada Masyarakat"**  
 Modul Firasat SPM 2021, Bahasa Melayu)

## BAHAN 2



Dipetik dan diubah suai daripada  
Modul Firasat SPM 2021, Bahasa Melayu

**TUGASAN 7**

**SENARAIKAN ISI-ISI PENTING BERDASARKAN SET 4**

**BAHAN 1**

**FOKUS**

**ISI PENTING**

**BAHAN 2**

**FOKUS**

**ISI PENTING**

**BAHAN 3**

**FOKUS**

**ISI PENTING**

TUGASAN 8

**TULIS RUMUSAN DENGAN LENGKAP DAN BETUL BERDASARKAN SET 4**

**SOALAN 9 : RUMUSAN**

[30 markah]

**SET 5**

Baca petikan dan teliti bahan di bawah, kemudian buat satu rumusan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

**BAHAN 1 - Petikan**

Di negara kita, terdapat pelbagai jenis permainan tradisional daripada pelbagai suku kaum. Antara yang paling popular termasuklah wau, batu seremban, congkak, gasing, konda-kondi, dan banyak lagi. Permainan tradisional dimainkan sama ada oleh kanak-kanak, remaja atau orang dewasa. Namun, kini permainan tradisional semakin terpinggir kerana dibayangi oleh permainan moden sedangkan permainan tradisional juga seperti permainan moden dapat membina fizikal kerana pemainnya perlu bergerak pantas dan laju. Permainan tradisional sesuai dimainkan semasa waktu lapang ataupun semasa pulang daripada bekerja. Bermain permainan tradisional secara perseorangan ataupun berpasukan dapat mengeratkan hubungan sama ada dalam kalangan pemain ataupun penonton itu.

Selain itu, permainan tradisional yang dimainkan secara berpasukan pula dapat menanam sikap dan nilai kerjasama. Tanpa kerjasama ahli kumpulan, permainan tidak dapat dilangsungkan dengan baik, apatah lagi untuk mencapai kemenangan. Namun usaha untuk mengembalikan permainan tradisional itu ke pangkuhan remaja kini barangkali terlalu sukar kerana kebanyakannya tidak begitu popular lagi dan tidak sesuai dengan persekitaran yang ada kini. Permainan tradisional mampu menuntut pemainnya berfikiran tajam kerana pemain perlu mengatur strategi dan memilih teknik yang terbaik untuk menang. Tanpa strategi dan teknik yang bagus, sudah pasti permainan menjadi hambar.

Dalam permainan tradisional ini juga, alat yang digunakan sungguh mudah dan boleh didapati di sekeliling kita seperti biji buah, kayu, buluh, bulu ayam, dan sebagainya. Oleh itu, permainan tradisional bersifat fleksibel, murah dan mudah berbanding permainan moden. Namun, kebanyakan remaja sekarang beranggapan permainan tradisional merupakan permainan yang ketinggalan zaman menyebabkan permainan tradisional semakin terus dilupakan. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan untuk mempopularkan semula permainan tradisional. Pihak media massa perlu membuat pendedahan dan liputan meluas tentang permainan ini. Warisan ini wajar diterapkan sejak dari awal supaya generasi muda terus mengenalinya.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
*“Remaja dan Permainan Tradisional”*  
oleh Hanapi Dollah, Dewan Siswa, September 2009)

## BAHAN 2



Sumber: Internet

TUGASAN 9

## **TULIS RUMUSAN DENGAN LENGKAP DAN BETUL BERDASARKAN SET 5**

## **SKEMA JAWAPAN RUMUSAN**

### **SET 5**

#### **PENDAHULUAN:**

Rumusan membincangkan **manfaat-manfaat** permainan tradisional dan **punca-punca** permainan tradisional semakin terpinggir serta **langkah-langkah** mempopularkan permainan tradisional.

#### **ISI PENTING**

##### **Fokus 1- Manfaat permainan tradisional**

###### **Bahan 1**

A1-Permainan moden dapat membina fizikal

A2-Permainan tradisional secara perseorangan ataupun berpasukan dapat mengeratkan hubungan sama ada dalam kalangan pemain ataupun penonton itu.

A3-Permainan tradisional yang dimainkan secara berpasukan pula dapat menanam sikap dan nilai kerjasama.

A4-Permainan tradisional mampu menuntut pemainnya berfikiran tajam

A5-Permainan tradisional bersifat fleksibel, murah dan mudah berbanding permainan moden

##### **Fokus 2-punca permainan tradisional semakin terpinggir.**

###### **Bahan 1**

B1-kebanyakannya tidak begitu popular lagi dan tidak sesuai dengan persekitaran yang ada kini.

B2-Kebanyakan remaja sekarang beranggapan permainan tradisional merupakan permainan yang ketinggalan zaman

###### **Bahan 2**

C1-anak selalu menonton permainan video

##### **Fokus 3- Langkah mempopularkan permainan tradisional**

###### **Bahan 1**

D1-Pihak media massa perlu membuat pendedahan dan liputan meluas tentang permainan ini.

D2-Warisan ini wajar diterapkan sejak awal supaya generasi muda terus mengenalinya.

###### **Bahan 2**

E1-Ibu haruslah memberi pendedahan awal kepada anak

E2-Membawa anak (saya) ke kempen permainan tradisional

- BAHAN TAMAT -



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BANGSAR/PUDU

**BAHAN  
BANTU LULUS**

TuLus 2024

**BAHASA MELAYU**

*SPM*

*-Terima kasih-*